

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"UNTUK mencapai 'barakah' di dalam kehidupan, kita mesti kembali kepada Al-Quran. Kerana Al-Quran itu Kitab Allah, petunjuk ke jalan yang lurus".
- Titah Sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi (Malam Ketiga).



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN sesiapa yang melakukan suatu dosa, maka sesungguhnya dia hanya mengerjakannya untuk (kemudaratan) dirinya sendiri. Dan Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nisa, ayat 111.

Waktu Sembahyang

IMSAK 4.46 SUBUH 4.56 SYURUK 6.20 DUHA 6.44 ZUHUR 12.16 ASAR 3.38 MAGHRIB 6.10 ISYAK 7.25

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 150

14 DISEMBER 2020 / 1442 ربيع الأخير 28

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Bangunkan industri baharu, jadikan ekonomi berdaya tahan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak Memperkasa Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersabda menyeru para belia supaya menjadi pemimpin dan melakukan impak positif secara langsung pada pembangunan negara.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen juga bersabda menekankan, akan perlunya disedari bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi generasi pada masa ini adalah tidak sama seperti sebelumnya, justeru kita perlu berupaya menyesuaikan diri dan mampu untuk berdaya tahan.

Ke muka 3

COVID-19 : 1 kes aktif jalani rawatan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah

hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 152 kes.

Ke muka 7



BRUNEI DARUSSALAM
2021

IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



TAMU Besar Temburong jana pendapatan masyarakat

Muka 10



MENSYUKURI nikmat kesihatan sebagai anugerah Allah

Muka 26

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGERA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 13 DISEMBER 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN **152**

JUMLAH KEMATIAN **3**

JUMLAH KES YANG SEMBUH **148**

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 **148**

Tumpukan tenaga ke arah pembangunan keperibadian yang tinggi

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua dapatlah kita berhimpun dalam majlis yang penuh dengan makna pada hari ini, iaitu Majlis Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-10, Tahun 2020.

Terlebih dahulu, sukacita saya merakamkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua 250 bakal pelatih. Walaupun berhadapan dengan norma baharu akibat pandemik COVID-19, kita amat berbangga para pelatih tetap berani untuk tampil ke hadapan dan komited untuk menjadi insan yang lebih cemerlang, berguna dan berbakti demi menjamin kesejahteraan masyarakat dan negara secara berterusan. Dedikasi ini amat menepati hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi para belia untuk terus membentuk jati diri mereka sehingga menjadi insan yang hebat dan sekali gus menunjukkan betapa pentingnya peranan PKBN ke arah mencapai matlamat tersebut.

Dalam pada itu, sukacita peramba / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan serta para sukarelawan yang turut terlibat sama dalam edisi PKBN pada kali ini, khususnya, pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Sukarelawan Profesional dan Alumni PKBN yang telah menyumbang seramai 100 orang pengajar dan jurulatih untuk melaksanakan latihan. Peramba / saya amat yakin sumbangan ini akan memberikan nilai tambah yang bermakna bagi program ini, terutamanya dengan kualiti latihan yang tinggi ke arah membentuk para pelatih yang syumul, resilien dan berdisiplin tinggi seperti yang dihasratkan.

Sememangnya, matlamat utama PKBN sentiasa kekal ke arah memastikan setiap pelatih akan memperoleh akhlak yang mulia, jati diri yang tinggi serta cenderung kepada kebajikan dan benci kepada kemungkaran. Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Tahun 1442 Hijrah bersamaan 2020 Masihi, baginda menekankan betapa mustahaknya pengisian peribadi ummah dengan akhlak-akhlak yang mulia, seperti akhlak adil, akhlak berani, akhlak sabar, akhlak taat, akhlak amanah dan seumpamanya, untuk pembangunan negara berlandaskan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Pelancaran Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-10 pada Sabtu, 19 Rabiulakhir 1442 Hijrah bersamaan 5 Disember 2020 Masihi di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong.

agama.

Oleh yang demikian, dalam menimba pengalaman tiga bulan yang akan datang ini, di sinilah pentingnya bagi para pelatih untuk menumpukan tenaga ke arah pembangunan keperibadian yang tinggi dengan memiliki akhlak-akhlak luhur sebagai cara hidup seharian.

Jati diri yang kuat adalah asas kukuh untuk membangun seseorang individu yang dibanggakan oleh bangsa dan negara. Biskitalah yang dinantikan untuk mengorak langkah yang jauh dari aspek duniawi dan ukhrawi dengan sentiasa berpegang teguh kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja. Peramba / saya amat yakin, setiap pelatih memang berupaya untuk menjadi insan yang dipandang tinggi oleh masyarakat dan negara. Pincang akhlak maka pincanglah ummah dan pembangunan sesebuah negara. Jadilah pemuda harapan bangsa, dan pemudi tiang negara.

Dengan Edisi PKBN Yang Ke-10 pada kali ini, peramba / saya turut melihat bahawa sudah tiba masanya untuk mengimbas semula kepada hasil kejayaan yang telah dan terus dicapai sejak permulaan PKBN sama ada dari aspek *tangible* mahupun aspek *intangibile*. Walaupun kita berbangga PKBN telah mendidik seramai 2,931 orang belia setakat ini, tidak dapat dinafikan bahawa apa yang lebih kritikal ialah penerusan impak dan sumbangan yang bermanfaat tinggi dengan mempraktikkan kemahiran yang dipelajari. Di sini peramba / saya

menegaskan bahawa Alumni PKBN masih perlu untuk melangkah lebih jauh ke hadapan dengan meningkatkan usaha secara signifikan demi memastikan platform ini benar-benar digunakan dengan sepenuhnya.

Ingatlah dan sama-samalah kita bekerja keras demi memenuhi amanah sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Upacara Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Ke-9 pada 12 Mac 2020 bahawa kita sewajarnya patut turut memastikan yang para alumni PKBN sentiasa terlibat dengan khidmat bakti terhadap masyarakat. Kerana matlamat latihan bukan hanya setakat 'membangun' belia, tetapi belia dibangun itu adalah juga 'wira' yang sanggup turun ke gelanggang bersama masyarakat.

Kepada pelatih dan Alumni PKBN, ingatlah fokus kita hanyalah satu: untuk menterjemahkan Moto 'Bersedia, Berkhidmat, Berbakti' kepada tindakan yang berimpak tinggi kepada masyarakat secara berterusan.

Oleh yang demikian, kepada para ibu bapa secara khususnya, peramba / saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih atas dukungan yang berterusan di samping kepercayaan bagi anak-anak biskita untuk mengikuti Kem Latihan PKBN. Ketiadaan biskita hari ini memang dirasakan dan kita akan menentukan doa biskita akan sampai kepada para pelatih. Sokongan keluarga memang tidak ada bandingan dalam membantu perkembangan anak-anak agar ilmu yang dipelajari dalam latihan terus dipupuk dan dipraktikkan secara berterusan sebagai contoh teladan kepada rakan-rakan dan ahli keluarga lain.

Pada masa yang sama, kepada para jurulatih, ingatlah amanah dan janji untuk mencapai yang terbaik bagi para pelatih. Laksanakanlah setiap amanah dan tanggungjawab yang diberikan dengan bersungguh-sungguh. Jadilah contoh ikutan yang terbaik, ikhlas menggunakan kebijaksanaan, pengalaman, kepakaran dan kepimpinan dengan penuh kesungguhan dan ketabahan. Ingatlah, hala tuju kita bukanlah kecil, ianya adalah pembentukan para belia yang akan mengangkat nama keluarga, masyarakat dan negara ke arah kejayaan dunia dan akhirat.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi setinggi-tinggi tahniah dirakamkan kepada setiap Pelatih PKBN Pengambilan Ke-10. InsyaaAllah, dengan titik peluh, usaha keras dan semangat yang tinggi, saya amat yakin 103 hari yang akan datang ini akan mempunyai makna yang terbesar bagi biskita.

Ke muka 7

Dari Sidang Pengarang.

14 DISEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 ربيع الآخر 28

MERANCANG BIJAK SEBELUM MEMULAKAN PERSARAAN

TIDAK dinafikan impian seorang penjawat awam adalah untuk menikmati hari-hari persaraan mereka dengan selesa tanpa ada hambatan kewangan. Bersara dari perkhidmatan adalah puncak pencapaian kerjaya seseorang setelah berpuluh-puluh tahun berhempas pulas menabur bakti untuk negara tercinta dan mencari rezeki untuk kelangsungan hidup, sudah tentu hari persaraan tatkala umur menjangkau 55 atau 60 tahun adalah sesuatu yang dinantikan. Selepas bersara, awda boleh menikmati hidup yang lebih tenang tanpa terikat dengan kesibukan kerjaya.

Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan simpanan yang mencukupi adalah sangat penting agar awda boleh bersara tanpa sebarang kebimbangan, lebih-lebih lagi dengan perbelanjaan hidup yang kian meningkat. Ekonomi sekarang memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Hal ini menjadikan pesara berdepan masalah kewangan apabila memerlukan dana untuk perbelanjaan perubahan mahupun kos sara hidup. Oleh sebab itu, awda perlu membuat persediaan awal, merancang perbelanjaan serta menyediakan simpanan yang mencukupi.

Baru-baru ini, Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah mengadakan Program Lakastah Bersedia iaitu program perancangan persaraan secara komprehensif. Program ini menekankan kepentingan membuat perancangan persaraan dari segi kewangan dan juga aspek-aspek dalam mempersiapkan bakal pesara untuk merancang dengan bijak sebelum bersara. Antaranya Perancangan Kewangan, Pengurusan Harta (Faraid / Hibah / wasiat), Penjagaan Kesihatan, Perhubungan Kekeluargaan dan Sosial dan Menghindari dari Penipuan Kewangan.

Apa yang hendak ditekan di sini ialah kesedaran awal mengenai masa depan. Jika sebelum ini menerima gaji setiap bulan tetapi keadaan ini akan berubah sebaik sahaja bersara. Persiapan mental dan juga fizikal perlu ada kerana apabila bersara tidak akan ada lagi gaji yang diterima. Bagi yang bijak bertindak sejak awal lagi dengan menabung atau sudah membuat perancangan masa depan tentunya tidak perlu memikirkan perkara-perkara berikut. Hari-hari tua dihabiskan bersama keluarga dan membuat amal kebajikan.

Kebijaksanaan seseorang dalam mengatur perbelanjaan harian di samping menabung perlu dijadikan contoh. Jangan berbelanja boros dengan membeli sesuatu yang tidak perlu. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala membenci orang yang berbelanja mengikut nafsu dan bukan kerana keperluan.

Alhamdulillah di negara kita, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengendalikan beberapa kursus bagi bakal-bakal pesara sebelum mereka memulakan cuti bersara. Kursus-kursus yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam di samping membuat lawatan sebagai motivasi kepada mereka untuk memikirkan apa yang akan dibuat setelah bersara.

Berusahlah menyimpan hasil gaji sejak awal lagi agar dapat menikmati kehidupan yang lebih bererti. Nikmati hari-hari persaraan awda tanpa perlu memikirkan bebanan kewangan. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
30 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR		
29 24 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN TUTONG		
32 25 °C	32 25 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahuallah Bissawab
Jabatan Kaji-cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	ISNIN	28	4.46	4.56	6.20	6.44	12.16	3.38	6.10	7.25
15	SELASA	29	4.47	4.57	6.20	6.44	12.16	3.38	6.11	7.25
16	RABU	1 JAMADILAWAL	4.47	4.57	6.21	6.45	12.17	3.39	6.11	7.26
17	KHAMIS	2	4.48	4.58	6.21	6.45	12.17	3.39	6.12	7.26
18	JUMAAT	3	4.48	4.58	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
19	SABTU	4	4.49	4.59	6.22	6.46	12.18	3.40	6.12	7.27
20	AHAD	5	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak Memperkasa Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!), di Art Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS).

Bangunkan industri baharu, jadikan ekonomi berdaya tahan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Dari muka 1

Duli Yang Teramat Mulia bersabda pada Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak Memperkasa Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!), yang berlangsung di Art Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS).

Pada majlis tersebut, DYTM berkenan mengongsikan pengalaman DYTM semasa berada di Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom, di mana semasa berusia 18 tahun, DYTM dihantar ke Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom, tempat di mana DYTM menghadapi pelbagai cabaran secara berterusan.

DYTM bersabda sering berasa tidak mampu mengharunginya, tetapi DYTM tetap tidak berputus asa.

DYTM dalam sabdanya, turut mengongsikan pengalaman yang sangat berharga apabila DYTM terpaksa menghabiskan perlumbaan berkumpulan sejauh 73 kilometer di Black Mountains of Wales dengan membawa beg galas seberat 20 kilogram.

"Secara umumnya perlumbaan tersebut mengambil masa di antara 24 ke 35 jam untuk diselesaikan tanpa rehat. Kawasan pergunungan terlalu sukar dan mencabar hingga saya menghadapi kekejangan dalam satu jam pertama dan tidak pasti berapa lama lagi saya boleh bertahan," sabda DYTM.

Tetapi di sebalik kesakitan tersebut, DYTM terus menumpukan fokus dan terus

berusaha sehingga akhirnya, selepas bergelut selama 23 jam dan 11 minit, kumpulan DYTM berjaya menamatkan perlumbaan berkumpulan berkenaan di tempat pertama.

Ini menunjukkan kepada DYTM akan kekuatan minda, meskipun badan pada ketika itu sudah terasa seperti hendak berputus asa.

Daripada pengalaman begini dan latihan yang diberikan oleh akademi tentera, sabda DYTM, kita perlu terus mendorong diri dan tidak takut kepada cabaran-cabaran kerana dengan mendesak diri juga mengharungi kesukaran dihadapi akan membangun ketahanan dan keperibadian kita.

Dalam sabda DYTM juga memuji pihak kerajaan atas pelaksanaan program-program untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran para belia, seperti Program Perantisan i-Ready dan Program SkillsPlus.

Bersabda pada majlis tersebut, DYTM turut menggalakkan para belia untuk menerokai inisiatif-inisiatif tersebut dan mendedahkan diri mereka dengan industri-industri baharu juga membangun kemahiran baharu secara berterusan untuk memperbaiki diri sendiri.

DYTM bersabda mencabar para belia untuk mencipta pelbagai peluang bagi diri sendiri dan rakan sebaya mereka, melebihi apa yang ada sekarang dan bukan sekadar menunggu pekerjaan yang serasi atau tangga korporat untuk dinaiki.

"Saya begitu percaya bahawa belia kita boleh membina

perbadanan baharu yang akan menjadi jentera masa hadapan kita.

"Belia, dengan tenaga dan perspektif baharu mereka boleh menyumbang kepada daya hidup dan kreativiti untuk menghadapi cabaran-cabaran sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam," sabda DYTM.

Menurut sabda DYTM lagi, kita sudah melihat organisasi-organisasi yang diterajui oleh belia, di mana mereka menghasilkan pelbagai idea dan penyelesaian bagi menangani isu-isu, seperti pengangkutan awam, sekuriti makanan, tenaga berdaya tahan dan banyak lagi.

Golongan muda ini, sabda DYTM, harus dihargai bagi kerja yang mereka lakukan untuk mencipta perubahan sebenar dalam masyarakat, iaitu perubahan yang akan

memberikan impak, bukan sahaja untuk hari ini, bahkan juga dalam membantu kita menangani cabaran-cabaran pada masa hadapan.

Bersiap sedia dengan cabaran-cabaran baharu, melabur dalam industri kreatif, sabda DYTM, kita mahu membangunkan industri-industri baharu yang akan menjadikan ekonomi berdaya tahan pada masa hadapan. Salah satu contoh ialah melabur dalam industri kreatif.

Ini adalah isu yang dekat dengan hasrat Al-Marhum paduka kakanda DYTM.

Di peringkat global, sabda DYTM, industri-industri kreatif menggaji lebih ramai orang yang berumur di antara 15 hingga 29 berbanding sektor lain.

DYTM seterusnya bersabda, ada banyak orang muda di negara ini yang meminati seni, yang memulakan perusahaan kreatif mereka sendiri, syarikat

produksi dan banyak lagi. Mereka berusaha melampaui kebiasaan dan zon selesa mereka untuk membuat perubahan.

DYTM dalam sabdanya, juga menggalakkan para belia untuk membuat pendekatan bersama pihak-pihak berkepentingan dengan idea-idea mereka, dalam industri kreatif atau seterusnya, dan bersama-sama, mewujudkan ekosistem berdaya tahan yang akan memberikan peluang-peluang pekerjaan dan mencapai kemajuan sosial dan ekonomi.

Dengan itu, DYTM dalam sabdanya, berharap para peserta akan dapat mengadakan sidang kemuncak yang produktif dan berjaya, seterusnya akan menjana hasil dan membuka peluang bagi belia untuk menjadi peneraju - peneraju dalam meneruskan pembangunan Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN daripada belia yang hadir pada Majlis Pelancaran BIBD YES! berkenaan.

Bina ketahanan, lakukan impak, dorong kepentingan kemajuan



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak Memperkasa Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!), di Art Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Sidang Kemuncak Memperkasa Belia Bank Islam Brunei Darussalam

(BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!) berlangsung selama dua hari bermula hari ini, di Art Centre, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS). Berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran, Duli Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; juga Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, dipimpin oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Dalam sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD, turut menjunjung kasih atas sokongan dan minat Duli Yang Teramat Mulia terhadap peranan belia dan aspirasi DYTMM untuk membimbing belia sebagai pemimpin masa hadapan.

Ke muka 5

SEBAHAGIAN daripada belia yang hadir pada Majlis Pelancaran BIBD YES! berkenaan (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan melancarkan BIBD YES! dengan menyerahkan baton kepada wakil belia yang terpilih, iaitu pelajar BIBD ALAF, yang menandakan dan menggambarkan tema acara kali ini, 'It's Your Turn!' (atas), sementara gambar bawah kiri, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD semasa sembah alu-aluan. Manakala gambar bawah tengah, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan mendengar sembah penerangan semasa menyaksikan Pameran BIBD YES!, bertajuk 'Belia Melakukan Impak' - 'Youth Making An Impact', menampilkan beberapa tema, seperti 'Smart City', Sukan, Pendidikan dan Sekuriti Pemakanan, di mana ia merupakan sumbangan idea inovatif para pelajar yang terlibat dalam pembentukan masa depan negara (atas), sementara gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah berupa model Helikopter Apache Gunship yang dicetak menggunakan 3D daripada para pelajar BIBD ALAF.

Dari muka 4

Yang Berhormat juga meminta para belia untuk membina ketahanan dan melakukan impak, mendorong kepentingan kemajuan, sekali gus menerapkan nilai-nilai kebruncian, iaitu Melayu Islam Beraja. Seterusnya, Yang Berhormat

mengingatkan para belia untuk menyelaraskan inisiatif mereka ke arah Smart Nation 2035 di kala kita bersedia untuk menuju ke era digital. Jelas Yang Berhormat, seperti yang dikatakan, masa depan adalah milik belia hari ini kerana mereka adalah masa kini dan masa depan negara ini.

Yang Berhormat berharap dengan adanya Sidang Kemuncak tersebut, ia dapat menggalakkan para belia untuk mengambil tindakan sekarang kerana kita tidak perlu menunggu untuk memegang kedudukan tertentu atau bidang tertentu untuk memulakan sesuatu. Pada majlis itu juga, DYTМ berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya melancarkan BIBD YES! dengan menyerahkan baton kepada wakil belia yang terpilih, iaitu pelajar BIBD ALAF, yang menandakan dan menggambarkan tema acara kali ini, 'It's Your Turn!'. DYTМ kemudian berkenan



DYTМ berkenan menerima sembah penerangan daripada para pelajar JIS dan Kemuda Institute (kiri dan bawah kanan), sementara gambar bawah, DYTМ berkenan bergambar ramai bersama para pelajar Cosmopolitan College of Commerce and Technology yang menyertai Pameran BIBD YES! tersebut.



menerima pesambah yang disembahkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BIBD YES! merupakan Sidang Kemuncak Pertama seumpamanya di Negara Brunei Darussalam dengan penyertaan secara fizikal dan maya oleh barisan penceramah juga delegasi.

DYTМ seterusnya dijunjung menyaksikan Pameran BIBD YES!, bertajuk 'Belia Melakukan Impak' - 'Youth Making An Impact', menampilkan beberapa tema, seperti 'Smart City', Sukan, Pendidikan dan Sekuriti Pemakanan, di mana ia merupakan sumbangan idea inovatif para pelajar yang terlibat dalam pembentukan masa depan negara.

Sebanyak lapan buah sekolah dan institusi pengajian tinggi terlibat dalam mempamerkan hasil daya kreativiti mereka, iaitu Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE); Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Sekolah Sukan; Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB); JIS; Cosmopolitan

College of Commerce and Technology; Kemuda Institute; dan Micronet International College.

Para pelajar BIBD ALAF juga berpeluang mempamerkan hasil produktiviti mereka, seperti teknologi *drone*, alat *Micro : Bit coding*, termasuk pencetakan 3 Dimensi (3D) dan menyebarkan pesambah kepada DYTМ, berupa model Helikopter Apache Gunship yang dicetak menggunakan 3D.

Sebelum berangkat balik, DYTМ berkenan bergambar ramai.

BIBD YES! adalah anjuran Curious Mind dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Pendidikan; dan Jabatan Kemajuan Pelancongan. Sidang Kemuncak yang diadakan selama dua hari tersebut memuatkan beberapa Sesi Plenari bersama 50 penceramah tempatan dan antarabangsa, menyentuh mengenai beberapa topik yang menggariskan tentang kuasa belia dan memperkukuh bagi meneruskan memperkasa *mindset* para belia.



BFA iktiraf hidangan terbaik



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Ahad, 13 Disember. - Sebanyak 44 buah restoran dan kedai makan menerima anugerah pengiktirafan masing-masing setelah berjaya terpilih menerima anugerah hidangan terbaik pada malam Anugerah Makanan Brunei (Brunei Food Awards - BFA) yang julung-julung kalinya diadakan.

BFA merupakan anugerah bagi makanan dan minuman yang

secara rasmi mengiktiraf dan menganugerahkan hidangan makanan serta minuman terbaik di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para penerima ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Pada majlis yang berlangsung di Hotel Mulia itu, sebanyak 75 hidangan makanan dan minuman daripada 44 buah restoran dan kedai makan terpilih sebagai hidangan terbaik.

Ketua Pegawai Eksekutif BFA, Awang Haji Nasir bin Dato Paduka Latif dalam ucapannya menjelaskan bahawa BFA dihasratkan untuk mengiktiraf dan

menganugerahkan hidangan terbaik bukan sahaja mewakili makanan terbaik malah individu-individu yang menghabiskan masa tanpa lelah dalam usaha memberikan makanan berkualiti kepada rakyat dan penduduk di NBD.

Menurutnya lagi, sepanjang proses ini, pihak BFA mencuba 336 restoran dan kedai makan di keempat-empat daerah dan merasakan lebih 1,500 hidangan dari kesemua restoran ini, di mana hampir 800 hidangan secara rasmi dihantar untuk dinilai serta dimasukkan untuk BFA.

Selain itu, tambahnya, dua buah restoran dan kedai makan juga akan menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat (Lifetime Achievement Award) di mana telah menjadi sebahagian daripada budaya makanan di negara ini.

Keduanya, ujar beliau, diakui memberi kesan yang ketara dalam industri makanan dan minuman di NBD serta masyarakat di negara ini. Penerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat dianugerahkan kepada Restoran Chop Jing Chew dan Nasi Katok Mabohai.

Penganugerahan diberikan kepada pelbagai jenis hidangan termasuk Ambuyat, Nasi Lemak, Roti Canai, Nasi Biryani, Sushi, Dim Sum, Nasi Ayam, Stik dari pelbagai masakan tempatan dan antarabangsa, termasuk NBD, Malaysia, Pakistan, India, Jepun, China, Itali dan Barat. Inisiatif BFA ini turut disokong oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Persatuan Hotel Brunei (BAH).

BFA bertujuan untuk mengiktiraf restoran dan kedai makan di negara ini sekali gus dapat bersaing secara sihat dan seterusnya meningkatkan lagi industri makanan dan minuman (F&B) di negara ini.

Turut hadir pada malam anugerah tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Perwakilan-perwakilan Asing ke NBD, Setiausaha-setiausaha Tetap, KSSUP dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meninjau dengan lebih dekat pameran hidangan terbaik semasa Anugerah Makanan Brunei 2020 (BFA) (kiri). Manakala gambar atas dan bawah, Yang Berhormat menyampaikan Sijil Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat kepada Chop Jing Chew dan kepada penerima Sijil Anugerah Hidangan Terbaik kepada Seri Damai Restaurant and Catering. Sementara gambar bawah kiri, antara hidangan yang terbaik yang dipamerkan semasa BFA yang berlangsung di Hotel Mulia, Anggerek Desa.





كمنترين كصحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARIS PANDUAN UNTUK PENGENDALI MAKANAN YANG TIDAK SIHAT DI PREMIS MAKANAN

Apa yang perlu dibuat jika pengendali makanan mula mengalami gejala COVID-19 sewaktu berkerja

Kekal di dalam bilik tertentu

Ketika menunggu, asingkan pekerja di bilik yang tertutup. Jika boleh, buka tingkap untuk pengudaraan yang baik. Pekerja juga dinasihatkan untuk menggunakan bilik mandi berasingan.

Mengikut garis pandu kebangsaan

Mana-mana kes COVID-19 yang disyaki mestilah dilaporkan. Hubungi 148 untuk nasihat yang bersesuaian.

Bersihkan tempat tercemar

Semua permukaan yang disentuh oleh pekerja tersebut mestilah dibersihkan termasuk bilik mandi, tombol pintu dan telefon.

Elakkan berinteraksi dengan pekerja lain

Elakkan berinteraksi dengan pekerja, permukaan & barang-barang.

Amalkan kebersihan

Semua pekerja mestilah mencuci tangan selama 20 saat dengan sabun dan air selepas berinteraksi dengan sesiapa yang tidak sihat atau mempunyai gejala jangkitan koronavirus.

Pengurus premis makanan harus tahu...

Dasar untuk kembali ke tempat kerja bagi kakitangan yang telah dijangkiti & pulih dari COVID-19 harus dilaksanakan. Pengurus premis hendaklah menyemak maklumat terkini mengenai garis panduan atau nasihat dari Kementerian Kesihatan.

Sentiasa berwaspada

Pekerja lain yang tidak berinteraksi dengan kes yang telah disahkan hendaklah terus mengambil langkah berjaga-jaga biasa dan hadir ke tempat kerja seperti biasa.

Penutupan tempat kerja adalah tidak digalakkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Kawalan Kualiti & Keselamatan Makanan di talian 2237414 / 417 semasa waktu berkerja.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn



KETUA Pegawai Eksekutif BFA, Awang Haji Nasir bin Dato Paduka Latif semasa menyampaikan ucapan.

BIBD YES! beri peluang terbaik untuk belia

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. - Sidang Kemuncak Memperkasakan Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!) menutup tirainya malam tadi, dengan perkongsian pengalaman para belia yang menyertai sesi rangkaian (*networking*) bersama

panel Menteri-menteri Kabinet pada Majlis Penutup BIBD YES! di The Horizons Seafood Restaurant, di sini.

Antara yang hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD; Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi; Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD semasa hadir pada Majlis Penutup BIBD YES! yang berlangsung di The Horizons Seafood Restaurant.

Lembaga Pengarah BIBD; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pengangkutan dan

Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar.

Sepanjang acara berkenaan, para peserta dijemput untuk berkongsi pengalaman dan pembelajaran mereka dari sidang kemuncak yang diadakan selama dua hari berkenaan serta aspirasi mereka untuk masa depan Negara Brunei Darussalam (NBD), selain diberikan peluang untuk mengajukan soalan kepada Menteri-menteri yang hadir.

Ketua Pegawai Pemasaran

BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar menggesa para belia untuk memimpin jalan ke hadapan.

Menurutnya, BIBD sentiasa berdedikasi untuk menjadi Rakan Maju (Partner in Progress) dalam kemajuan negara.

Berpegang pada tonggak tanggungjawab sosial korporat BIBD (CSR BIBD) dalam Pendidikan, Keusahawanan dan Komuniti, BIBD akan terus menyokong program-program yang memastikan semua belia di Brunei memiliki peluang yang sama untuk berjaya, tanpa mengira latar belakang mereka.

Tambahnya, menerusi perbincangan dan musyawarah yang berlangsung di sepanjang BIBD YES!, ia akan terus menjadi pemangkin dalam menjadi permulaan yang akan membolehkan para belia untuk meneruskan hasrat mereka dan menjana peluang untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh NBD.

BIBD YES! menampilkan seramai 50 ahli panel dari NBD dan antarabangsa menerusi 'Zoom' dari Hong Kong, Singapura, Indonesia, Filipina, Malaysia dan Hungary untuk mendidik dan memberikan inspirasi kepada para belia, di mana dengan adanya penceramah dari luar negara akan membolehkan para peserta melihat topik yang mereka hadapi melalui lensa global.



SALAH seorang peserta semasa mengajukan soalan.



PARA peserta yang menyertai sesi rangkaian (*networking*) dengan mengongsikan pengalaman mereka pada majlis penutup berkenaan.

COVID-19 : 1 kes aktif jalani rawatan

Dari muka 1

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 221 hari kes sifar,

iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan,

iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 148 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 712 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,256 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 96 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 79,238 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	1	3	148

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (221 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
712	9,256

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
96 sampel	79,238

HALUAN

Tumpukan tenaga ke arah pembangunan keperibadian yang tinggi

Dari muka 2

Peramba / saya akhiri dengan mutiara kata : Jika awda merancang untuk kesenangan dalam setahun, tanamlah padi. Jika awda merancang untuk kemewahan dalam 10 tahun, tanamlah pohon-pohon buah. Jika awda merancang untuk kesejahteraan selama 100 tahun, tanamlah keimanan, ilmu dan akhlak kepada anak bangsa dan generasi belia kitani. InsyaaAllah kita akan selamat dunia dan akhirat.

Didoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan nikmat kesejahteraan, perlindungan dan rahmat yang berlipat ganda kepada para pelatih dan jurulatih semasa menjalankan Latihan serta kepada ibu bapa sepanjang masa. Semoga berjaya, cekalkanlah hati dan ingatlah, tiada jalan yang mudah untuk mencapai yang terbaik, hanya kerja keras dan kesungguhan untuk mengatasi apa jua cabaran.

Sekian. *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Filem 'You're Not You' rasmikan BFB Ke-4



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Teater butik di Mahakarya Institute of the Arts Asia, Plaza Athirah dipenuhi dengan para jemputan yang hadir bagi Majlis Pelancaran Brunei Film Blitz (BFB) Ke-4.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Filem pertama yang dipersembahkan sebagai pembuka tirai BFB kali ini merupakan filem pertama yang dikeluarkan oleh Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, bertajuk 'You're Not You' (2014).

Al-Marhum merupakan seorang *producer* filem yang aktif mengembangkan pertumbuhan ekonomi kreatif sejak seawal tahun 2014.

Pengarah BFB, Dayang Siti binti Kamaluddin berkongsi sedikit mengenai kepentingan Retrospektif untuk tayangan filem BFB, di mana pada malam ini adalah sempena mengenang sumbangan Al-Marhum terhadap ekonomi kreatif.

"Kami berterima kasih kerana diberikan peluang untuk mengingati karyanya dan warisan filem yang telah ditinggalkan olehnya. Di Origin, kami semua akan ingat selamanya, sebagai penggemar seni di Brunei, Al-Marhum telah memberikan penghormatan dengan menghadiri dan memberikan sokongan semasa

tayangan perdana filem pertama keluaran Origin, iaitu Yasmine, pada tahun 2014.

"Dia meneruskan karyanya dengan membuat filem-filem penting dan pendekatan beliau dicerminkan dalam kata-kata Oscar Wilde yang berbunyi, 'I have the simplest tastes. I am always satisfied with the best,'" ujar Dayang Siti.

'You're Not You' akan ditayangkan kepada umum, pada 16 Disember ini sempena tayangan filem-filem lain Mahakarya Institute of the Arts Asia.

BFB ditubuhkan pada tahun 2017 di bawah rumpun Brunei December Festival (BDF), iaitu merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BFB bermula hari ini hingga 23 Disember 2020 dengan menampilkan pelbagai filem dari rantau Asia yang mampu menggamit dan mencuit hati para



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir pada Majlis Pelancaran Brunei Film Blitz (BFB) Ke-4 (kiri dan atas).

penonton.

Filem Blitz terus memberikan inspirasi dan melabur dalam produksi tempatan yang berkualiti

melalui bengkel, pertandingan juga tayangan khas daripada para pengeluar filem Brunei menerusi siri Wayang Kitani.



ANTARA artis tempatan yang hadir pada Majlis Pelancaran BFB tersebut.

Pasar Rakyat kukuh hubungan dua hala



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam semasa merasmikan Pasar Rakyat yang diadakan di Kedutaan Indonesia (kiri). Sementara gambar kanan, TYT meninjau petak jualan yang ikut serta pada Pasar Rakyat tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Pasar Rakyat diharapkan akan dapat mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara dengan menampilkan para pengusaha kecil dan sederhana memperkenalkan produk-produk mereka.

Selain memeriahkan Festival Disember di Negara Brunei Darussalam (NBD) ini, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko juga menyatakan, bazar itu juga bagi mengetengahkan makanan yang khusus bercirikan dari Indonesia



sendiri bagi masyarakat mereka yang berkhidmat di negara ini sedikit sebanyak membuat kerinduan untuk menikmati juadah atau hidangan yang jarang sekali didapati di negara ini seperti rawon, empal pentong, karedok dan sebagainya.

"Saya harap Pasar Rakyat dapat memperkuatkan kerjasama kedua negara, khususnya bagi ekonomi kecil dan menengah tempatan yang

memasarkan produk-produk Indonesia. Selain itu, kami juga ingin membawa sedikit dari kekayaan masakan Indonesia untuk menutupi rasa rindu warga Indonesia dan mungkin warga Brunei yang tidak dapat bepergian ke Indonesia kerana pandemik," jelasnya lagi pada majlis yang berlangsung di Kompleks Kedutaan Indonesia.

Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko menekankan pihaknya

menitikberatkan peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan dalam membendung penularan pandemik COVID-19 seperti mengamalkan penjarakan sosial, penggunaan sungkup muka dan pemakaian *sanitizer*, imbasan Kod QR melalui aplikasi BruHealth dan pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki ruang bazar yang diadakan selama dua hari bermula hari ini, 12 hingga 13 Disember 2020.

Sebanyak 34 petak jualan termasuk 27 penyertaan bagi jualan makanan dan minuman serta peniaga yang mengetengahkan perkhidmatan seperti khidmat pengiraman dan penukaran wang untuk memeriahkan lagi bazar tersebut sepanjang dua hari ia berlangsung.

Bukan itu sahaja, para pengunjung dialu-alukan untuk menyertai Kempen Derma Darah serta ujian Pap Smear percuma bagi para wanita.

Selain itu, para pengunjung yang datang juga berpeluang untuk menyaksikan beberapa persembahan kebudayaan daripada kedua-dua buah negara.

Kedutaan Indonesia sebelumnya pernah mengadakan kegiatan sedemikian, antaranya pameran Remarkable Indonesia yang diadakan di Pusat Membeli-belah Times Square pada tahun 2018 dan 2019.

Masjid RIPAHS, Masjid Kampung Penanjong juara Zainul Quran



RIMBA, Sabtu, 12 Disember. - Peserta kumpulan tuan rumah, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampung Rimba berjaya memintas markah lapan peserta lain bagi Kategori Lelaki pada Musabaqah Tilawah Al-Quran Secara Berkumpulan (Zainul Quran) Senegara Kali Kedua bagi Tahun 1442H / 2020M yang diadakan di masjid berkenaan.

Juara berjaya memungut markah sebanyak 91.5 peratus sekali gus membawa pulang piala pusingan pertandingan serta hadiah lain.

Pasukan Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri meraih tempat kedua dengan markah 86 peratus dan Pasukan Balai Ibadat Kampung Saba yang ketinggalan 0.5 peratus di tempat ketiga.

Sementara bagi Kategori Perempuan pula, persembahan para qariah dari Masjid Kampung Penanjong, Daerah Tutong dinobatkan sebagai juara setelah menerima markah tertinggi, iaitu

sebanyak 92 peratus.

Penyertaan yang diwakili seramai lima qariah itu juga menerima piala pusingan dan hadiah lain itu menepikan lima peserta lain dengan menempatkan kumpulan Masjid STKRJ Lambak Kiri dan peserta tuan rumah di tempat kedua dan ketiga dengan masing-masing memungut markah sebanyak 86 dan 83 peratus.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Pertandingan kali kedua anjuran Masjid RIPAHS, Kampung Rimba dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara kali ini menentangkan sebanyak dua kategori, iaitu Kategori 'A' dibukakan bagi Pegawai-pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Belia Masjid dan jemaah masjid. Manakala bagi Kategori 'B' pula terdiri daripada Kumpulan

Muslimah, Beliawanis Masjid dan jemaah masjid.

Selain menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah Negara Zikir, acara seumpama itu juga dihasrat dapat memberi kefahaman mendalam lagi tentang lagu dan irama Zainul Quran.

Adapun Zainul Quran ini difahami bahawa jarang disebut atau dipraktikkan, sama ada di peringkat belia mahupun dewasa juga seharusnya merupakan usaha bersama dalam mencungkil bakat-bakat muda.

Di samping untuk diketengahkan kepada orang ramai, pertandingan juga untuk mencari persediaan awal atau pelapis generasi pembawa Zainul Quran daripada hilang ditelan zaman serta meningkatkan lagi ilmu pengetahuan para belia dan dewasa dalam persembahan Zainul Quran yang masih kurang mendapat sambutan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah




YANG Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Secara Berkumpulan (Zainul Quran) Senegara Kali Kedua bagi Tahun 1442H / 2020M (atas kiri). Manakala gambar atas dan bawah, Yang Mulia semasa menyampaikan hadiah kepada johan bagi Kategori Lelaki dari Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan johan bagi Kategori Wanita dari Masjid Kampung Penanjong.



Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Gotong-royong bersihkan kawasan masjid



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya (tiga, kiri) hadir pada Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas). Manakala gambar kanan, acara diteruskan dengan bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran masjid berkenaan.

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 13 Disember. - Dalam usaha memastikan persekitaran masjid yang bersih, aman dan selesa serta apa yang penting sekali untuk mendapatkan ganjaran dan keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala, Masjid Haji 'Abdul 'Azim, Kampung Luagan

Duduk mengadakan Majlis Bergotong-Royong membersihkan kawasan persekitaran masjid berkenaan, hari ini.

Acara berkebajikan tersebut diadakan dan dianjurkan bersama oleh Kumpulan Vellfire Alphard Brunei dan BRAVE.

Hadir pada majlis yang berkebajikan itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjong Maya; Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong; Awang Haizul Rizal bin Haji Yahya; pegawai kanan kerajaan dan penduduk Kampung Luagan Dudok.

Majlis tersebut dimulakan dengan Majlis Bertahlil bagi



Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan dan sejurus selepas itu, aktiviti bergotong-royong membersihkan

kawasan masjid dan sekitarnya dimulakan.

Majlis tersebut dihasratkan akan dapat memupuk dan memperkukuh lagi semangat perpaduan serta persaudaraan khususnya dalam kalangan ahli kumpulan berkenaan, BRAVE dan juga penduduk kampung tersebut.

Tamu Besar Temburong jana pendapatan masyarakat



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Bokok yang juga selaku Pengerusi Tamu Besar Temburong 2020 semasa meninjau petak jualan pada Tamu Besar Temburong 2020 berkenaan.

BANGAR, Sabtu, 12 Disember. - Dalam usaha mengembangkannya projek perekonomian, iaitu Tamu Besar Temburong 2020 diadakan melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong dengan kerjasama

Jabatan Daerah Temburong selama dua hari bermula hari ini hingga Ahad, 13 Disember 2020 bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Seramai 60 peserta mengambil bahagian dalam Tamu Besar Temburong 2020 termasuk agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Selain daripada jualan, beberapa aktiviti juga dianjurkan sepanjang dua hari berlangsungnya tamu tersebut.

Antara aktiviti yang menarik ialah Pertandingan Masakan; Pertandingan Pemarang Dan Tingkat Terbaik serta pameran dari Jabatan Penjara, Biro Kawalan Narkotik, Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan Pejabat Kesihatan Daerah Temburong.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok yang juga selaku Pengerusi Tamu Besar

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Temburong 2020 semasa ditemui pada acara tersebut menjelaskan, Tamu Besar Temburong 2020 adalah inisiatif atau usaha Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta Jabatan Daerah Temburong dalam memberikan peluang kepada pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P), usahawan-usahawan kampung, belia-belia, peserta Satu Kampung Satu Keluarga untuk menjana pendapatan dan secara tidak langsung meningkatkan penglibatan masyarakat dalam mengadakan aktiviti di daerah ini.

Menurut Yang Berhormat lagi, ia juga merupakan satu langkah untuk menambah tarikan kepada pengunjung-pengunjung dari luar dan dalam daerah serta meningkatkan kemeriahan di Daerah Temburong.


Selain itu, ia dihasrat untuk memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha 1K1P dan usahawan kampung untuk menjual dan mempromosikan produk masing-masing, jelas Yang Berhormat.

Sambutan yang dilihat amat menggalakkan dan berharap agar orang ramai yang berkunjung ke Tamu Besar Temburong 2020 akan dapat menjaga penjarakan sosial masing-masing dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, di samping mengimbas Kod QR dan sentiasa menjaga kebersihan diri, tambah Yang Berhormat.

Tamu Besar Temburong 2020 akan dibuka bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan orang ramai adalah dialu-alukan hadir dan ikut serta dalam memeriahkan lagi acara tersebut.



SUASANA para pengunjung yang berkunjung ke tamu berkenaan yang menjual pelbagai produk daripada 1 Kampung 1 Produk (atas dan kanan).



PKWE DBM anjur Majlis Tahlil



BACAAN Tahlil diketuai oleh Imam Masjid Kampung Lambak, Awang Rafi bin Duming.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

LAMBAK, Sabtu, 12 Disember. - Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara (PKWE DBM) mengadakan Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, disertai oleh Ahli-ahli PKWE DBM berkenaan. Majlis berlangsung di PKWE

DBM, Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil, diketuai oleh Imam Masjid



SETIAUSAHA Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang diadakan oleh PKWE DBM.

Kampung Lambak, Awang Rafi bin Duming.

Kini PKWE DBM mempunyai lebih 560 ahli, di mana perasmianya telah disempurnakan oleh Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Haji 'Abdul 'Azim, pada 12 Mac 2013.

Antara aktiviti mingguan yang dijalankan di pusat kegiatan tersebut, belajar Al-Quran; kursus komputer; kraf tangan dan masakan; berjoging; dan beriadah.



بهيا رسواه

جماعه يغ درحمي الله،

ماريله كيت برتقوي كحضرة الله ﷺ دغن سبئر-بئر تقوي، دغن ملقسناكن سكل فربنتهن دان منجاوهي سكل لارغتن يابت منطاعي الله ﷺ دان رسولن. برفكغ تكوه دغن اجارن القرعان دان مغايكوتي سنة رسول الله ﷺ. مدهمداهن كيت منجاوي انسان يغ برجاي، سلامة دان بهكيا ددنيا دان جوگ داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

دالم اوسها كيت اتوق منجاوي كحيان، كيت هندقله سنتياس برهاتي-هاتي دان ممقستينك بهوا جارا كيت ممقراوليهي كحيان ايت ايله دغن جارا يغ بتول، تيدق مياهي حكوم شرع دان جوگ اوندغ ۲ نكارا سفرت منجوري، فحه امانه دان ترماصوله جوگ رسواه.

فرلو دكتهوي، بهوا رسواه مروفاكن انتارا فربواتن يغ كحي دان دلارغ دالم اكلام كيت. فرمان الله ﷺ دالم سورة البقرة آية ۱۸۸:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتَذَلُّوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِيَأْكُلُوا

فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿۱۸۸﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسيرن:

دان جاغله كامو ماكن هرنا (اورغ لايين) انتارا كامو دغن جالن يغ باطل دان جاغله كامو مغهولوركن هرنا كامو (ميري رسواه) كقد حاكم ۲ سفاي كامو دافة مغميل سبهاكين درقد هرنا اورغ دغن جارا بربوات دوسا قد حال كامو مغتهوي ساهن.

رسواه مروفاكن فباكيت مشاركة يغ واجب اتوق دجكه. اين كران رسواه ايت بايق منداتغن كسن يغ بوروق، بوكن سهاج ترهادف اينديويديو بهكن جوگ قد مشاركة دان جوگ نكارا. انتارا كسن ۲ بوروق رسواه ايت ايله سفرت:

قرنام: كسن رسواه ترهادف اينديويديو

اينديويديو يغ ملاكوكن رسواه ايت بوله ميبكن كسوسهن كقد ديرين سنديري سفرت هيلغ فركجان، هيلغ كدودوقن، هيلغ مرؤه، دفنچارا دان ساومقمان.

كدوا: كسن رسواه ترهادف مشاركة

رسواه مغعتينكن كظالمن دان كنيقعدادن دالم كالغن مشاركة. اين دسببكن رسواه ايت مغتقنكن حق ۲ اورغ ترنتو سفرت اورغ يغ تيدق ممقويباي كلايقن اتوق ميكل سوات امانه اتو فركجان ايت بوله منجاوي لايق.

كبيك: كسن رسواه ترهادف اوركانيساسي

رسواه ايت منجسكن كجكفن دان ايتيكريني دالم فنتديران. سباكي جوتوه، جك سسورغ ايت تله دبري امانه اكن تنائي اي ملاكوكن فربواتن خيانه دان مغميلكن رسواه دالم فنتديران. مك فركارا اين سوده سنتون اكن منجسكن كسلامن سسواه اوركانيساسي ماهوفون نكارا كران سكل فروسيدور كرج، فراتوران دان اوندغ ۲ تيدق دفاتوهي سهيغك فركارا يغ دتكه دان دلارغ ايت دبتركن دان فركارا يغ حرام ايت داغكف سباكي سسوات يغ حلال.

جماعه يغ درحمي الله،

اينديويديو يغ ميري دان مريما رسواه ايت بوكن ساج منداقة دوسا بسره، بهكن جوگ منداقة لعنة الله ﷺ. درقد عبد الله بن عمر رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسبها:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّائِيَةِ وَالْمُرْتَشِيَةِ

مقصودن:

لعنة الله كاتس فميري رسواه دان فريما رسواه. {حديث روايه امام ابن ماجه}

كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفرتوان نكارا بروتي دارالسلام برتبه سمفنا دغن سمبوتن مولود نبي محمد ﷺ ۱۴۴۲ هجرة / ۲۰۲۰ مسيحي:

"ساتو جوتوه، انتارا اخلاق ۲ رسول الله ايله مغمراكن رسواه. سكران اخلاق اين دفاكي دان برجان منتف دالم نكارا، مك سوده تننو اي اكن منجسكن سبوا نكارا يغ سجهوا لايكي بهكيا.

ميمغ تيدق دراكوكن لايكي، نكارا يغ بييس دري رسواه اداله نكارا يغ بركة، فنه دغن رحمة سرت ترلفس درقد لعنة، دمكين بكندا برتبه.

نكارا بروني دارالسلام مندغ سريوس اكن كساهن رسواه كران اي اداله ويروس برهيا يغ مسني دندوغ دان دجكه فنولارنن. جوسترو، دالم اوسها اتوق ميمترس رسواه ديومي دارالسلام اين. اكننا فنجكهن رسواه، ففكل ۱۳۱ تله دفركنلكن يغ ممقروتنوقن حكومن مكسيما تيك فولوه ريو ريفكيت دان توجه تاهون فنچارا باكي سسياف ساج يغ ثابيت كساهن رسواه.

جماعه يغ درحمي الله،

رسواه ايت امة بريها. بيهان اداله امة بسره سهيغك مليتكن بقسا دان جوگ نكارا. اوله يغ دمكين، هيندركنله دبري، بقسا دان نكارا كيت دري كجلا رسواه. سباكي اومة اسلام، كيت هندقله منجاوهي دان مغهيندركن دبري درقد فربواتن رسواه يغ دتكه دان دلارغ اوله الله ﷺ.

برسمفنا دغن هاري اتي رسواه انتارايغسا يغ دمبوت ستيف تاهون قد ۹ هاريبولن دسيمير. ماريله كيت برسام-سام بركنديغ باهو دالم ممرغي كجلا رسواه دغن ملافوركن ككياتن ترسبوت قد بيرو منجكه رسواه جك كيت مغتهوي اتو ممقويباي سبارغ معلومه مغناين.

اخيرن، ماريله كيت بردعا سفاي كيت دجاوهكن درقد ملاكوكن فربواتن كحي سفرت رسواه دغن سنتياس منانكن سيكف امانه، جوجور دان اخلاص دالم ستيف توكس دان فركجان سرت سنتياس تولوغ-منولوغ دالم فركارا كبايكن دان منجكه دري بربوات كجاهتن. مدهمداهن دغن يغ دمكين كيت اكن منداقة كريضان، كيركنن دان رحمة يغ برفنجن درقد الله ﷺ. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

وَأَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٠٠﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

{سورة المائدة آية ۲}

تفسيرن:

دان تولوغ-منولوغه كامو دالم كبايقن دان كفتوان دان جاغله تولوغ-منولوغ دالم دوسا دان فرموسهن (ملفكر حكوم ۲ الله). دان برتقوي له كقد الله. سسكوهن الله ساعه برت سيقسان.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِنَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِنَجَاةِ التَّائِبِينَ.

JPES akan melaksanakan BPP 2021



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir pada Sesi Muzakarah bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung bagi persediaan BPP 2021 yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

BERAKAS, Sabtu, 12 Disember. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) akan mengendalikan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula 20 Januari hingga 2 Ogos 2021 dengan tiga peringkat pelaksanaan.

BPP 2021 merupakan banci keenam yang akan dimulakan dengan peringkat pertama, iaitu penyenaian tempat kediaman atau *houselisting* mengikut kampung dan kawasan setiap daerah di seluruh negara bermula 20 Januari hingga 21 Februari 2021.

Peringkat kedua ialah pengendalian e-Census bermula 20 April hingga 21 Jun 2021, manakala peringkat ketiga ialah temu duga bersemuka mulai 20 Julai hingga 2 Ogos 2021.

Perkara tersebut disampaikan oleh Pegawai Perangkaan Kanan, JPES, Dayang Norizan binti Abdullah pada Sesi Muzakarah bersama Penghulu Mukim dan

Ketua Kampung bagi persediaan BPP 2021 yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Banci tersebut akan meliputi semua orang, sama ada rakyat NBD, penduduk tetap atau penduduk sementara yang tinggal di negara ini pada tahun 2021.

Data yang dikumpul akan membekalkan maklumat yang komprehensif mengenai penduduk mengikut ciri demografi, sosial dan ekonomi, di samping maklumat mengenai jumlah stok tempat kediaman serta kemudahan atau keperluan asas perumahan.

Sesi Muzakarah bertujuan untuk membarigakan mengenai BPP 2021 dan seterusnya mengeratkan lagi kerjasama JPES dengan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dalam sama-sama memastikan pelaksanaan banci tersebut berjalan dengan lancar dan teratur.

Majlis diikuti dengan sesi soal

jawab daripada para jemputan yang terdiri daripada penghulu-penghulu mukim, pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung serta pembarigakan mengenai aktiviti operasi kerja-kerja luar banci.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai BPP 2021, berhubung terus ke JPES di talian +673 2233344 semasa waktu pejabat atau e-mel ke support.brucensus@jpes.gov.bn. Maklumat lebih lanjut mengenai BPP 2021 juga boleh didapati di portal BPP 2021 www.brucensus.gov.bn.

Antara yang hadir pada sesi muzakarah tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin selaku Penghulu Mukim Gadong 'A'; Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari selaku Pemangku Penghulu Mukim Pengkalan Batu dan Ketua Kampung Limau Manis; Yang Berhormat Pengiran

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman



PEGAWAI Perangkaan Kanan, JPES, Dayang Norizan binti Abdullah semasa menyampaikan taklimat pada Sesi Muzakarah tersebut (atas sekali), sementara gambar atas, antara yang hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan.

Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Pemangku Penghulu Mukim Serasa dan Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong; Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh; dan Yang Berhormat

Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Juga hadir, Ketua Pengarah Perancangan, Ekonomi dan Statistik, Dayang Hajah Mariah binti Haji Yahya dan Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Amir Amnan bin Junaidi.

Kerjasama pacu pertumbuhan ekonomi

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu yakin Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara Majlis Perundingan Kampung (MPK) Setia 'A' dan MPK Sungai Bunga akan menjadi pemacu pertumbuhan yang akan membentuk landskap ekonomi penduduk kampung pada masa akan datang sama ada di peringkat kampung, mukim, daerah mahupun negara.

Selain itu, ia juga membantu perekonomian penduduk kampung yang kurang berkemampuan dari segi semua aspek termasuk kewangan, kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan seumpamanya.

"Dengan termeterainya MoU ini akan membuka peluang kepada belia dan beliawanis. Dalam masa yang sama juga, saya berharap dan berkeyakinan dengan terlaksananya memorandum ini, kedua-dua MPK akan dapat

menjana ilmu pengetahuan dan inovasi, meningkatkan produktiviti, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi yang menjurus kepada memfokuskan usaha peningkatan taraf pendidikan, kemakmuran dan keupayaan sumber tenaga kerja untuk menghadapi dan menuju Wawasan Brunei 2035," katanya.

Yang Berhormat seterusnya menambah bahawa jika perkara tersebut terlaksana, maka pengeluaran produk-produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) akan meningkat bukan sahaja bagi keperluan kampung dan mukim bahkan untuk keperluan dalam negara dan luar negara dapat dihasilkan. Yang penting adalah kerjasama dan perpaduan di semua peringkat yang terlibat ke arah menjayakan projek itu.

Yang Berhormat juga berharap MPK Setia 'A' dan MPK Sungai Bunga akan dapat dan sentiasa bekerjasama, berdaya tahan serta berdaya saing dalam menghadapi apa jua arus pembangunan dan kemajuan dalam bidang yang akan diusahakan kemudian diperkenalkan ke arah menjadi kampung cemerlang, gemilang dan terbilang.

Penandatanganan MoU antara kedua-dua belah pihak ditandatangani oleh Setiausaha



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Kota Batu (belakang, tengah) semasa menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai di antara Majlis Perundingan Kampung (MPK) Setia 'A' dan MPK Sungai Bunga.

MPK Setia 'A', Awang Wafi bin Haji Wasli dan Setiausaha MPK Sungai Bunga, Awang Mohammad Husaini bin Ali Hassan serta disaksikan sendiri oleh Yang Berhormat Ahli MMN.

Seterusnya, Yang Berhormat juga menyampaikan sijil

penyertaan kepada para peserta wanita yang mengikuti Kelas Pemprosesan Kuih-Muih dan Pastrri yang diunggayahkan pada sebelah pagi.

Acara yang diadakan ini adalah antara lain bagi mendukung hasrat pihak kerajaan supaya pimpinan

akar umbi seperti MPK untuk berperanan penting bagi membantu meningkatkan sosioekonomi kampung dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui aktiviti-aktiviti perekonomian dan seumpamanya.

Operasi 'Merati' periksa 157 premis perniagaan

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan menjalankan beberapa sesi Operasi 'Merati' dari 30 November hingga 6 Disember 2020 di premis-premis perniagaan di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan Daerah Tutong.

Operasi 'Merati' kali ini dijalankan di premis-premis perniagaan, di mana bagi Daerah Brunei dan Muara, operasi dijalankan di Pos Kawalan Sungai Tujoh; kawasan Kiulap; Gadong; Pasar Malam Pelbagai Barang Gadong; Jerudong; Gerai Mufakat Kampung Selayun; Gerai Kampung Lambak Kiri; Gerai Dewan Kemasyarakatan; dan MPK Kampung Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait, operasi dijalankan di Bangunan Komersial Kampung Pandan 'A'

dan di Daerah Tutong pula, operasi dikendalikan di Kampung Kelugos; Kampung Luagan Dudok; Kampung Sengkarai; dan Kampung Petani.

Operasi 'Merati' tersebut melibatkan pegawai-pegawai penguatkuasaan kesihatan dari Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Sebanyak 157 premis perniagaan diperiksa dan hasil dari operasi yang dijalankan mendapati bahawa tiga premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan dan dikenakan denda kompaun keseluruhannya sebanyak BND300.

Antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan denda kompaun adalah seperti berikut : premis-premis berkenaan tidak memakai sungkup muka (*face mask*) bagi pengendali dan penyedia makanan serta kakitangan di premis-premis

tukang gunting rambut dan premis-premis Establismen kecantikan dan kesihatan juga didapati tidak memakai sungkup muka serta tiada pemeriksaan suhu badan dan tiada Kod QR BruHealth.

Kementerian Kesihatan ingin menekankan dan mengingatkan orang ramai, terutama sekali bagi para pengurus dan kakitangan premis-premis perniagaan untuk mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan lainnya.

Pengurus perniagaan hendaklah memastikan pengendali, penyelia makanan dan kakitangan mereka memakai sungkup muka; melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing; dan membudayakan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di premis perniagaan masing-masing.

Begitu juga mendapatkan Kod QR BruHealth yang khusus bagi premis-premis mereka dan mencetak Kod QR dan dilekatkan di kawasan yang mudah diimbas

Daerah Brunei Muara	<ul style="list-style-type: none"> • Pos Kawalan Sungai Tujoh • Kawasan Kiulap • Gadong • Pasar Malam Pelbagai Barang Gadong • Jerudong • Gerai Mufakat Kg Selayun • Gerai Kg Lambak Kiri • Gerai Dewan Kemasyarakatan • MPK Kg Lambak Kanan
Daerah Belait	<ul style="list-style-type: none"> • Bangunan Komersial Kampung Pandan A
Daerah Tutong	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Kelugos • Kg Luagan Dudok • Kg Sengkarai • Kg Petani

oleh pelanggan. Menggunakan aplikasi PremiseScan bagi memudahkan pelanggan-pelanggan yang tidak menggunakan aplikasi BruHealth di telefon bimbit mereka.

Di samping itu, diingatkan agar mengamalkan langkah-langkah kebersihan di dalam premis perniagaan dan terutama sekali bagi premis makanan diingatkan untuk mengikut garis panduan

yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan jika menyediakan makanan secara bufet.

Sebarang aduan atau laporan mengenai premis-premis perniagaan yang tidak mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan, orang ramai boleh membuat aduan dengan menghantar e-mel kepada health.enforcement@moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

Pertandingan Mereka Bentuk Poster Digital kini dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memberi peluang kepada kanak-kanak yang berusia antara 9 hingga 11 tahun, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menyertai Pertandingan Mereka

Bentuk Poster Digital dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik.

Dengan membawakan tema 'Temburong Permata Hijau', pertandingan tersebut merupakan salah satu usaha DBP untuk menggalakkan dan mendekatkan orang ramai dengan perpustakaan,

terutama sekali bagi golongan kanak-kanak.

Aktiviti seumpama ini turut diadakan untuk menggerakkan program perpustakaan secara dalam talian, di samping untuk memberi ruang kepada kanak-kanak untuk mengekspresikan idea-idea kreatif

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Infografik : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

dalam berkarya. Setiap penyertaan hendaklah memasukkan tajuk poster 'Temburong Permata Hijau' dan peserta juga diberikan kebebasan untuk menghasilkan karya digital mengikut kreativiti masing-masing.

Sementara itu, orientasi poster hendaklah dalam bentuk potret atau *portrait*.

Konsep poster adalah berbentuk tempat-tempat menarik yang melambangkan Daerah Temburong sebagai salah satu ekopelancongan di NBD.

Borang dan syarat penyertaan bolehlah didapati di laman sesawang DBP : www.dbp.gov.bn atau mengimbas Kod QR pada poster yang disertakan.

Tarikh tutup pertandingan ialah 18 Januari 2021, jam 11.59

malam. Setiap karya bolehlah dihantar melalui e-mel ke perpustakaan.temburong@dbp.gov.bn dengan menyertakan maklumat lengkap seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, e-mel dan subjek: Pertandingan Mereka Bentuk Poster Digital.

Peserta hendaklah menghantar dalam format *jpeg, png, psd, pptx* atau *pub*; dan fail hasil karya yang dihantar hendaklah berukuran 297mm x 420mm (saiz A3).

Untuk maklumat lebih lanjut, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang bit.ly/dbpposterdigitalhijau atau dengan menghubungi talian +673 2235501 sambungan 504 atau melalui Hotline +673 8266880.

COVID-19 : 1 kes sembuh

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 152 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 220 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu kes dilaporkan sembuh, manakala satu kes aktif dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 148 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 739 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,228 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 176 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 79,142 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes			
Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes	
0		152	
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
1	1	3	148
Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19		Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan	
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (220 hari yang lalu)		11 Kes	
Ringkasan Pengasingan Diri			
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori		Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)	
739		9,228	
Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2			
Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam		Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)	
176 sampel		79,142	



Luaskan saluran penjualan beras tempatan bersama 2 syarikat



PENGARAH Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah menyerahkan Kontrak Perjanjian Pembekalan Beras-beras Tempatan untuk Penjualan kepada Orang Awam yang ditandatangani bersama Pengurus Am, Syarikat Smart (B) Sdn. Bhd., Awang Lim Kuan Yew.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) Menandatangani Kontrak Perjanjian Pembekalan Beras-beras Tempatan untuk Penjualan kepada Orang Awam bersama dua buah syarikat swasta, iaitu, Syarikat Smart (B) Sdn. Bhd.; dan Syarikat Ampuan Mohammad Yoslan bin Ampuan Haji Akop / Ya'akub & Anak-Anak.

Majlis Penandatanganan tersebut berlangsung di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Antara matlamat utama perjanjian pembekalan tersebut adalah bagi meluaskan lagi saluran penjualan beras-beras tempatan agar memudahkan orang ramai mendapatkan beras-beras tempatan yang sememangnya mendapat sambutan yang sangat baik di pasaran, di samping untuk

mendukung hasil ladang para petani tempatan bagi terus meningkatkan keluaran padi secara berterusan.

Pada Ogos 2020 lalu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan membukakan tawaran secara terbuka kepada para pemborong bagi pembelian beras tempatan secara berkontrak, khusus untuk penjualan di Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Syarikat Smart (B) Sdn. Bhd. dan Syarikat Ampuan Mohammad

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Yoslan bin Ampuan Haji Akop / Ya'akub & Anak-Anak terpilih atas sebab menepati syarat-syarat tawaran, termasuk mempunyai cawangan di daerah berkenaan, berpengalaman dan berkeupayaan dalam penjualan beras juga mempunyai pengangkutan dan tempat penyimpanan (*storage*) beras dalam keadaan baik, bersih juga bersesuaian.

Pada Majlis Penandatanganan tersebut, kontrak perjanjian ditandatangani oleh Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah bersama Syarikat Smart (B) Sdn. Bhd. yang ditandatangani oleh Pengurus Am, Awang Lim Kuan Yew.

Manakala Syarikat Ampuan Mohammad Yoslan bin Ampuan Haji Akop / Ya'akub & Anak-Anak diwakili oleh Pengurus Syarikat berkenaan, Ampuan Mohammad Yoslan bin Ampuan Haji Akop / Ya'akub.

Turut hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan berkenaan, Pegawai Pentadbir Kanan, Pengiran Mohd. Fadly Harfinie bin Pengiran Haji Mohd. Kassim selaku Timbalan

Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.

Trend data pengeluaran beras negara terus menunjukkan pertumbuhan positif 40.0 peratus, di mana keluaran bagi tempoh 10 tahun kebelakangan adalah meningkat daripada 1,072 tan metrik, pada tahun 2010 menjadi 1,500 tan metrik, pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 428 tan metrik.

Berbanding kepada trend pengeluaran beras bagi tahun 2020 juga dijangka akan merekodkan pertumbuhan positif, di mana setakat September 2020, pengeluaran meningkat sebanyak 912 tan metrik, iaitu kepada 2,290 tan metrik, berbanding 1,378 tan metrik dalam tempoh yang sama, pada tahun lalu, iaitu peningkatan 66.2 peratus.

Kemajuan ini adalah hasil usaha berterusan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sokongan padu daripada peladang-peladang padi tempatan untuk menambah pengeluaran padi tempatan bagi meningkatkan tahap sara diri bekalan beras dalam negara.

Cungkil bakat pelukis ekspresikan idea kesan rasuah

Siaran Akhbar dan Foto :
Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Melukis Poster Anti Rasuah sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2020, di Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

Peraduan ini diadakan sempena Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2020, diraikan setiap 9 Disember. Hari Anti Rasuah Antarabangsa ini adalah bagi memperingati komitmen Negara Brunei Darussalam sebagai negara ahli kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Menentang Rasuah atau 'United Nations Convention against Corruption'.

Negara Brunei Darussalam menandatangani Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menentang Rasuah pada 11 Oktober 2003 dan memeterai Konvensyen tersebut, pada 2 Disember 2008.

Antara objektif peraduan diadakan adalah untuk mempelbagaikan lagi inisiatif dan pendekatan BMR dalam menyebarkan mesej kesedaran bahaya jenayah rasuah kepada orang awam; mencungkil bakat pelukis dalam mengekspresikan, menyampaikan juga berkongsi idea dan kefahaman mereka mengenai kesan rasuah kepada masyarakat melalui karya lukisan mereka; juga menggalakkan kerjasama BMR bersama orang

awam dalam memerangi gejala rasuah di negara ini.

BMR membukakan Peraduan Melukis Poster Anti Rasuah ini untuk penyertaan orang ramai selaras dengan salah satu peranannya, iaitu untuk mendapatkan dan menggalakkan sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A' (Lukisan Digital) bagi penyertaan orang ramai, berumur 19 tahun ke atas; dan Kategori 'B' (Lukisan Tangan) bagi yang berumur di antara 12 hingga 18 tahun.

Peraduan ini menerima sambutan yang menggalakkan, di mana lebih 100 penyertaan diterima dan kebanyakan peserta adalah penuntut sekolah dari peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.

Penyertaan juga diterima daripada penjawat awam, sekolah dan sektor swasta juga persendirian.

Jumlah penyertaan yang menggalakkan ini dengan secara tidak langsung menggambarkan sokongan orang ramai dalam sama-sama memerangi gejala rasuah.

Dengan bertemakan 'Katakan Tidak Pada Rasuah', lukisan-lukisan yang dihantar untuk peraduan ini memaparkan kesan bahaya jenayah rasuah kepada individu, masyarakat, keluarga, pembangunan dan ekonomi negara.



PENGARAH Biro Mencegah Rasuah (BMR), Dayang Hajah Suhana binti Haji Sudin pada sesi bergambar ramai bersama para pemenang yang diraikan pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Melukis Poster Anti Rasuah sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2020, di Ibu Pejabat BMR, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Sesi penghakiman lukisan diadakan pada 18 November 2020 dan dihakimkan berdasarkan kreativiti, keaslian lukisan dan penyampaian mesej yang berkesan.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan, Pengarah BMR, Dayang Hajah Suhana binti Haji Sudin.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan BMR, hakim peraduan dan para jemputan.

Bagi Kategori 'A', pemenang pertama disandang oleh Mohammad Nadhir bin Haji

Mohamed Husaini, memenangi hadiah wang tunai BND500; tempat kedua milik Abd. Ajihis bin Haji Terawih, memenangi hadiah wang tunai BND400; dan tempat ketiga ialah Megat Muhammad Fazlie bin Megat Zulkiflie, memenangi hadiah wang tunai BND300.

Bagi Kategori 'B', pemenang pertama menjadi milik penuntut dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Nurul Izzatul Hidayah binti Abdullah Abdul Aziz, memenangi hadiah wang tunai BND400; tempat kedua, penuntut dari Sekolah Menengah

Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Maz Farhanah Iwany binti Maz Irwan, memenangi hadiah wang tunai BND300; dan tempat ketiga, penuntut dari Sekolah Tunas Jaya PGGMB Madang, Awangku Mohd. Iman Fitri @ Awangku Md. Farren Iman bin Pengiran Md. Hardiman Saiful Rizal, memenangi hadiah wang tunai BND200.

Empat hadiah saguhati juga disediakan bagi setiap kategori, iaitu wang tunai BND150 bagi Kategori Lukisan Digital; dan BND100 bagi Kategori Lukisan Tangan.

UBD terima koleksi Lukisan Cina Kuno



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) semasa menerima koleksi Lukisan Cina Kuno dan menyaksikan koleksi Lukisan Cina Kuno yang disumbangkan oleh Pengerusi Zhejiang Hengyi Group Co. Ltd., Hengyi dan Pengarah Lembaga Universiti China Zhejiang, Mr. Qiu Jianlin (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) bagi pihak Universiti Zhejiang menyumbangkan koleksi Lukisan Cina Kuno kepada Universiti

Brunei Darussalam (UBD) hari ini.

Semasa upacara penyerahan tersebut, Pengerusi Zhejiang Hengyi Group Co. Ltd., Hengyi dan Pengarah Lembaga Universiti China Zhejiang, Mr. Qiu Jianlin menyerahkan koleksi tersebut kepada Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Koleksi komprehensif Lukisan Cina Kuno adalah projek kebudayaan nasional berskala besar yang disusun bersama dan diterbitkan oleh Universiti Zhejiang dan Pentadbiran Warisan Budaya Provinsi Zhejiang.

Koleksi tersebut dihasrat dapat memberi peluang kepada para akademik dan pelajar UBD untuk mengamati dan menghayati seni, sejarah dan budaya tradisional Cina, di samping dapat berfungsi sebagai sumber berharga bagi penyelidik yang mempelajari seni kuno di universiti.

Setelah majlis penyampaian buku, Mr. Qiu Jianlin berkesempatan mengunjungi

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

Faculty of Integrated Technologies (FIT) UBD serta Centre for Advanced Materials and Energy Sciences (CAMES).

UBD mengadakan kerjasama bersama tiga pihak universiti dan industri bersama Hengyi dan Universiti Zhejiang di Hangzhou (China) dalam program Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Proses dan Kimia).

Pada tahun 2014, Hengyi menubuhkan Program Biasiswa Kejuruteraan Proses dan Kimia bersama UBD dan Universiti Zhejiang.

Di bawah program ini, pelajar UBD dianugerahkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian akademik mereka di Universiti Zhejiang.

Program tersebut sebahagian daripada komitmen Hengyi untuk menyokong pengembangan kapasiti tempatan di negara ini.

Di samping itu, memberi peluang kepada para sarjana untuk bekerja dengan Hengyi setelah menamatkan program ini.

Ia juga merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat jangka panjang syarikat untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan langsung di Negara Brunei Darussalam dalam menyokong arahan 'Bruneianisation Directive' untuk

memaksimumkan peluang pekerjaan bagi orang Brunei dalam Industri Minyak dan Gas.

Pada tahun 2020, Hengyi memberikan biasiswa kepada 23 lagi pelajar untuk kumpulan ke-7 sarjana di bawah program berkenaan. Program juga menunjukkan hasil yang baik dalam mewujudkan peluang pekerjaan, di mana seramai 68 pelajar menamatkan program biasiswa tersebut bergabung dengan kumpulan tenaga kerja Hengyi.

Setelah memasuki World University Rankings 2020 Times Higher Education (THE) untuk pertama kalinya pada tahun lalu, UBD kini meningkat menjadi kumpulan 351 dari 400 tahun ini. UBD juga telah menunjukkan peningkatan yang stabil di Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings, di mana ia kini berada di kedudukan 254, tempat 44 tempat dari tahun lalu, iaitu 298.

UBD juga kini berada di kedudukan ke-75 dalam QS Asia University Ranking dan menduduki tempat pertama di antara universiti Asia dalam pergerakan keluar pelajar berturut-turut selama enam tahun.



ANTARA koleksi Lukisan Cina Kuno yang disumbangkan kepada UBD.

Bantu kesan pekerja lari

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing, warganegara Indonesia, Sulika, 44 tahun, dan pemegang pasport AT636060 yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, hubungi Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan (BSB) menerusi talian +673 2242334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan.



SULIKA, 44 tahun, warganegara Indonesia, dilaporkan lari majikan.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Penulisan Kreatif Kembangkan Daya Pemikiran'. Tarikh Tutup : 16 Disember 2020
2. 'Tingkat Kesedaran Kesihatan Mental Masyarakat'. Tarikh Tutup : 23 Disember 2020
3. 'Rasuah Mendatangkan Kesan Buruk'. Tarikh Tutup : 30 Disember 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

'Bara' tuah bagi Awang Noraziman



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), KKBS semasa menyampaikan hadiah kepada johan Pertandingan Akhir Bintang Harmoni 2020 (atas). Manakala gambar atas kanan, beliau semasa hadir menyaksikan persembahan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Awang Noraziman bin Abu dinobatkan johan Pertandingan Akhir Bintang



Harmoni 2020 anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB), yang berlangsung di Dewan Raya, Stesen RTB, di ibu negara.

Beliau yang menyanyikan lagu 'Bara' membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND2,000 berserta trofi dan sijil.

Sementara itu, Awang Muhammad Abillah bin Ariffien menyandang naib johan, manakala Dayang Nurul Arffaniezza binti Norariffin memenangi tempat ketiga.

Naib johan dan pemenang tempat ketiga, masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500 dan BND1,000, juga trofi dan sijil.

Awang Muhammad Abillah turut memenangi persembahan terbaik dan membawa pulang hadiah wang tunai BND500.

Hadiah kepada para pemenang disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



(KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS; Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim; dan Pemangku Pengarah Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit.

Pertandingan Bintang Harmoni yang sebelumnya dikenali sebagai Bintang Radio merupakan salah satu daripada usaha-usaha berterusan RTB untuk mendukung industri seni tanah air dan mengangkat bakat-bakat tempatan.

Melalui pertandingan ini, RTB mengangkat bakat-bakat tempatan,

PERSEMBAHAN daripada para artis tempatan semasa Pertandingan Akhir Bintang Harmoni 2020.

termasuk Ali Paun; M. Nordin; P.M. Sunah; Julia Chee; M.S. Bakri; dan A.T. Ahmad.

Pada tahun ini, seramai 112 penyertaan dari keempat-empat daerah diterima.

Daripada jumlah tersebut, 24 peserta berjaya mara ke peringkat separuh akhir yang kemudiannya menyaksikan seramai lapan peserta sahaja terpilih bertanding di peringkat akhir.

Pertandingan akhir itu diadakan secara tertutup dan hanya dihadiri oleh ahli keluarga terdekat para peserta dan dihadkan keramaiannya.

Para penonton turut dikehendaki memakai sungkup muka sepanjang pertandingan berlangsung.

RTB mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penaja, terdiri daripada Syarikat Al-Bukhari Sdn. Bhd.; Artz Production; Brunei River Cruise; Chop Kim San Sdn. Bhd.; dan Kamil Hasan & Sons.

Lahirkan belia berkepimpinan, berkualiti



PENGHULU Mukim Bukit Sawat dan Merangking, Awang Haji Salleh bin Haji Othman semasa menyampaikan cenderahati kepada peserta.

MERANGKING, Ahad, 13 Disember. - Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Program Kem Motivasi Belia Titih Lutanan selama dua hari bermula Sabtu, 12 Disember dan berakhir pada 13 Disember 2020 bertempat di Balai Ibadat, Kampung Merangking, Labi, Kuala Belait. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada peserta ialah Penghulu Mukim



SESI bergambar ramai bersama para peserta yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan belia di bawah Program Keagamaan Belia.

Bukit Sawat dan Merangking, Awang Haji Salleh bin Haji Othman.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan ukhuwah khususnya dalam kalangan belia serta meningkatkan lagi kefahaman dan motivasi demi melahirkan belia yang mempunyai jati diri, ketahanan fizikal dan mental, berjiwa kepimpinan dan berdisiplin.

Siaran Akhbar dan Foto :
Pusat Da'wah Islamiah

Antara pengisian program adalah seperti sembahyang berjemaah, tazkirah, *team building* dan bergotong royong membersihkan persekitaran balai ibadat berkenaan serta diteruskan dengan penyampaian sumbangan wakaf. Seramai lebih kurang 40

belia mengikuti program tersebut yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan belia di bawah Program Keagamaan Belia seperti Belia Daie dan Belia Muallaf As-Syahadah serta Jawatankuasa Takmir Balai Ibadat Kampung Merangking, Ulu Labi.

Bantu golongan yang memerlukan

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam

BELAIT, Ahad, 13 Disember. - dan BDO iaitu sebuah firma audit di Daerah Belait menganjurkan Program Ikhlas DOA (Day of



Action) bersempena dengan Hari Sukarelawan Antarabangsa bagi Tahun 2020.

Program tersebut diumumkan dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Belait dan sukarelawan BRC.

BRC menerusi BRC Food Aid yang dikendalikan sepenuhnya menerusi Program Ikhlas 13.0 hasil daripada sumbangan orang ramai menyerahkan bantuan BRC Food Aid makanan asasi kepada 10 ketua keluarga golongan Asnaf Fakir Miskin dan Muafaf yang berdaftar di bawah Unit Da'wah Daerah Belait.

Penyerahan bantuan tersebut disempurnakan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin yang juga selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut yang berlangsung di Pusat Belia, Kuala Belait, hari ini, di sini.

PENGURUS Umum, Firma Audit BDO, Awang Sylvester Leong semasa menyampaikan baucar kepada pelajar Asnaf Fakir Miskin dan Muafaf di Daerah Belait.



PEGAWAI Daerah Belait semasa menyerahkan bantuan berupa makanan asasi kepada ketua keluarga golongan Asnaf Fakir Miskin dan Muafaf.

Manakala melalui BDO School Aid pula, seramai 20 orang pelajar Asnaf Fakir Miskin dan Muafaf di Daerah Belait menerima sumbangan bantuan bahan asasi seperti peralatan sekolah iaitu buku dan alat tulis dengan nilai baucar BND100 bagi setiap pelajar dan disumbangkan oleh Firma Audit BDO sebagai salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) firma berkenaan.

Penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Pengurus

Umum, Firma Audit BDO, Awang Sylvester Leong.

Objektif utama program tersebut dianjurkan ialah bagi sama-sama bergiat aktif khususnya dalam program kesukarelawan terutama dalam Day of Action 2020 di samping berbagi keceriaan bersama golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan serta sama-sama meringankan bebanan mereka, terutama sekali kepada keluarga baharu, Asnaf Muafaf di Daerah Belait.



KEMPEN kesedaran tersebut juga dimeriahkan dengan aktiviti seperti menjawab kuiz-kuiz yang mengutarakan mengenai obesiti (atas). Manakala gambar bawah, kempen tersebut juga diserikan dengan pertunjukan Tae kwon do.

BERAKAS, Ahad, 13 Disember. - Obesiti adalah satu penyakit yang semakin meningkat dalam kalangan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kanak-kanak berlebihan berat terdedah kepada risiko kesihatan

penyakit tidak berjangkit (Non-Communicable Diseases) seperti penyakit diabetes, penyakit jantung, hipertensi dan hiperkolesterolemia.

Seperti yang ditunjukkan dalam Brunei Darussalam Key Indicator

Tingkat kesedaran obesiti

2019 (BDKI), Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCDs) adalah penyebab utama kematian di NBD.

Sehubungan itu, Jabatan Pediatrik, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), dalam usahanya untuk menitikberatkan kepentingan risiko obesiti dalam kalangan kanak-kanak, hari ini mengadakan Sambutan Hari Kesedaran Obesiti Kanak-Kanak bertempat di Pusat Membeli-belah Times Square, di sini.

Antara tujuan Sambutan Hari Kesedaran Obesiti Kanak-Kanak ini diadakan ialah untuk mencapai sasaran Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 'Health is Everyone's Business' dan 'Prevent and Control Non-Communicable Disease'; meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai risiko kesihatan obesiti jangka panjang di samping sebagai usaha membendung dari awal obesiti dan penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya.

Acara ini dijayakan bersama dengan pegawai-pegawai

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Profesional Kesihatan Bersekutu, Hospital RIPAS dan pengurusan Kompleks Membeli-belah Times Square.

Selain daripada pameran kesihatan, acara juga dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti senaman, kuiz dan permainan untuk orang ramai. Diharapkan statistik global, satu antara tiga kanak-kanak mempunyai berat badan yang

berlebihan manakala hanya satu antara enam kanak-kanak bergiat aktif dalam aktiviti fizikal.

Manakala, NBD berada di kedudukan teratas dalam kalangan negara anggota ASEAN dalam kadar obesiti bagi kanak-kanak di ASEAN dengan 14.1 peratus diikuti dengan Malaysia, 12.7 peratus dan Thailand dengan 11.3 peratus.

Penutupan sementara sebahagian Jalan Gadong

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memohon maaf kepada orang ramai, terutama kepada pengguna jalan raya di atas ketidakselesaan yang disebabkan oleh penutupan sementara sebahagian Jalan Gadong di depan pejabat Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) lama menuju ke Bandar Seri Begawan mulai pada 12 Disember 2020 sehingga kerja-kerja selesai.

Penutupan jalan berkenaan adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan paip pembentungan bawah tanah berukuran 150mm diameter sedalam 1.5m hingga 2m di jalan tersebut. Usaha bagi menyiapkan kerja-kerja membaiki pulih akan disegerakan.

Sehubungan dengan itu, pihak JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat +673 8333123, Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan e-mel : pro@pwd.gov.bn.



MYC bentuk belia berakhlak tinggi

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. - Program cuti penggal akhir persekolahan Muslim Youth Camp (MYC) sempena Brunei December Festival 2020 yang berlangsung selama dua hari, menutup tirainya hari ini pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini.

Seramai 150 belia dan beliawanis masjid menyertai program yang bermula kelmarin itu.

Program tersebut merupakan anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Bahagian Pelancongan, Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Kumpulan Belia Masjid Syababur Rouja Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang selaku tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta program berkenaan.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dalam ucapannya pada majlis tersebut berkata, perkhemahan itu diadakan bukan hanya untuk mengisi masa belia dan beliawanis dengan aktiviti yang berfaedah semasa cuti sekolah, bahkan juga untuk mempersiapkan mental dan fizikal mereka dengan pendidikan agama, khususnya agar dapat melahirkan belia yang bertanggungjawab, prihatin dan berbakti kepada raja, bangsa, agama dan negara.

"Usaha-usaha berkebjajikan ini, insyaaAllah akan dapat melahirkan generasi yang berlandaskan Islam dengan mempunyai jati diri yang tinggi," ujar beliau.

Antara objektif program berkenaan, tambahnya, adalah untuk membimbing belia-belie dengan aktiviti masjid dan membiasakan mereka dengan pergaulan yang sihat dengan masyarakat sekeliling.

"Di samping itu juga, ia dapat

memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta memperbaiki akhlak belia," katanya.

Menurutnya, dengan perkhemahan ini juga dapat membuka minda mereka untuk berfikir secara lebih kreatif dan dinamik dalam usaha mewujudkan jati diri ke arah yang lebih baik.

"Melihat kepada perkembangan belia dan beliawanis di negara kita masa kini, kita merasa sangat gembira kerana belia dan beliawanis sudah banyak menampakkan minat mereka bergiat aktif dengan perkara-perkara berkebjajikan dan suka mengikuti aktiviti di masjid, menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat dan pelbagai kegiatan yang berkebjajikan," jelasnya.

Program tersebut diisikan



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta program berkenaan.

dengan pelbagai aktiviti menarik, antaranya tazkirah, motivasi, khidmat jati diri, lawatan dan kerja amal.

Perkhemahan dihasrat dapat melatih diri para belia agar mendekati diri dengan masjid.

Pihak penganjur juga berhasrat agar program seumpama ini dapat menjadi titik semangat para peserta untuk berhijrah ke arah

membentuk jati diri selaku belia Islam dan sentiasa siap siaga membuka minda untuk berdepan dengan pelbagai cabaran pada era globalisasi.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, KSSUP, Awang Haji Zulzalani bin Haji Osman dan wakil-wakil dari beberapa buah syarikat penaja MYC 2020.



PARA peserta yang hadir pada majlis berkenaan.

BASMIDA adakan Khatam Al-Quran

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

MADANG, Ahad, 13 Disember. - Seramai 100 peserta daripada Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) mengikuti Majlis Khatam Al-Quran dengan bacaan Doa Tahليل yang diniatkan khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali selaku Penasihat Majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Tahtim yang dipimpin oleh Dayang Hajah Nor Hamimah binti Haji Hamidon, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha



YANG Di-Pertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali selaku Penasihat Majlis (tengah) hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dan Tahليل khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis.

hingga Surah An-Nas oleh para peserta khatam.

Bacaan Doa Khatam pula dibacakan oleh Dayang Hajah Norjainah binti Haji Putera dan Datin Hajah Masni, sementara bacaan Tahليل pula dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidi, manakala

bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Doa Penutup Majlis dibacakan oleh Dayang Aizat Yatimi binti Haji Shari.

Turut hadir, Naib Yang Dipertua BASMIDA, Dayang Hajah Aini binti Abdullah selaku Pengerusi Majlis dan Penyelenggara Majlis.

Kementerian Kesihatan
MINISTRY OF HEALTH

CEGAH INFLUENZA (FLU)

Tanda-Tanda Influenza:

 Demam panas	 Selsema	 Sakit tekak	 Batuk
 Sakit kepala	 Sakit badan	 Sukar bernafas	 Cirit berit <small>(khususnya dikalangan kanak-kanak)</small>

Bagaimana Influenza Merebak?

- Influenza merebak melalui titisan saluran pernafasan, terutamanya apabila pesakit batuk atau bersin.
- Titisan cecair pernafasan boleh mencemari tangan dan permukaan persekitaran.
- Seseorang boleh dijangkiti apabila berada dalam jarak kurang dari 1 meter dari pesakit yang batuk atau bersin, atau apabila bersentuhan dengan permukaan yang tercemar.

123 | www.moh.gov.bn

Khatam Al-Quran bagi Program Nyah COVID-19



PEMANGKU Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Asminan bin Haji Chuchu semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Nyah COVID-19 dan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Jubli Perak Penubuhan Masjid Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Ahad, 13 Disember. - Jawatankuasa Tadbir Kumpulan Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Nyah COVID-19 bertempat di masjid berkenaan.



Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Asminan bin Haji Chuchu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Doa Memulakan Membaca Al-Quran yang diketuai oleh Guru Pembimbing Muslimah Masjid UBD, Pengiran Hajah Rohani binti Pengiran Haji Mohd. Daud.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah-surah Khatam

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

yang diketuai oleh Pemangku Ketua Imam Masjid UBD, Awang Haji Mohamad Ashraf bin Haji Bujang Yussop dan diselenggarakan dengan bacaan Tahtim dan Tahlil beramai-ramai.

Sejurus selepas itu, Doa Khatam dan Doa Tahlil dibacakan oleh Awang Haji Mohamad Ashraf, dan diteruskan dengan Dikir Asyrakal yang diketuai oleh Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid UBD.

Program tersebut bermula pada 17 April lalu sewaktu pandemik COVID-19 mula menular di seluruh dunia dan semua kegiatan keagamaan, termasuk aktiviti Muslimah, antaranya Bimbingan Kelas Al-Quran di masjid-masjid diberhentikan buat sementara waktu.

Bagaimanapun atas inisiatif Penyelia dan Ketua Muslimah supaya membaca Al-Quran terus berjalan, di samping membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sama-sama menangani wabak tersebut melalui membaca Al-Quran, Program Nyah COVID-19 dijalankan kepada Muslimah Masjid UBD dan dilaratkan kepada Penyelia-penyelia atau Ketua-ketua Muslimah di Daerah Brunei dan Muara dengan niat khusus untuk memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk melindungi Negara Brunei Darussalam (NBD) daripada

jangkitan dan merebaknya pandemik berkenaan serta untuk kesembuhan para pesakit yang terjangkit baik di negara ini mahupun di seluruh dunia.

Program berkenaan berjalan lancar selama 34 minggu dan kaedah program ini adalah setiap Muslimah memilih Juzuk dari Juz 1 hingga Juz 30, dan setiap minggu membaca Doa Khatam dan Doa Khusus COVID-19.

Majlis Khatam hari ini juga diselenggarakan dengan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Jubli Perak Penubuhan Masjid UBD, iaitu pada 15 September 2020.

Sebagai usaha untuk mengimarhkan dan menyemarakkan sambutan penubuhannya, serta mengambil sukut keberkatan masjid yang berdiri megah dan kukuh di tengah-tengah kampus universiti, maka AJK Takmir UBD yang diketuai oleh Awang Haji Mohamad Ashraf mengadakan bacaan Al-Quran bermula pada 15 September hingga 30 November 2020.

Seramai 100 peserta mengambil bahagian yang terdiri daripada 42 Muslimah Masjid UBD; 29 Ketua-ketua Muslimah Daerah Brunei dan Muara; dan 29 orang AJK Takmir Masjid UBD.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta dan bagi memberkati majlis, Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD juga turut dibacakan.

SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut.

Tip Pendidikan



Jom ketahui cara membuat jadual belajar yang lebih berkesan untuk anak-anak

- **Kenal pasti kemampuan.** Kenal pasti kemampuan anak-anak. Kaji kelebihan dan kelemahan mereka dari sudut penguasaan mata pelajaran melalui keputusan peperiksaan bulanan di sekolah sebelum ini.
- **Beri tumpuan.** Beri tumpuan yang lebih pada mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan juga mata pelajaran Sains, terutamanya mata pelajaran yang masih belum dikuasai.
- **Hadkan sesi pembelajaran.** Hadkan setiap sesi pembelajaran atau latihan kepada setengah jam diselanggi waktu rehat selama 15 minit bagi untuk menguatkan memori dan bagi mengelakkan keletihan otak.
- **Sesuaikan mata pelajaran.** Fokuskan mata pelajaran yang melibatkan pengiraan dan formula seperti Matematik, Physics dan subjek yang berkaitan dengannya pada sebelah petang bagi mengelakkan mengantuk. Mata pelajaran Sastera dan teori yang lebih santai boleh buat ulang kaji pada waktu malam.
- **Bersukan.** Luangkan masa untuk bersukan dan beriadah selama 45 minit ke 1 jam pada waktu petang. Elakkan aktiviti yang ekstrem supaya tidak terlalu keletihan untuk sesi ulang kaji pada waktu malam.
- **Sembahyang tepat waktu.** Amalkan sembahyang fardu tepat pada waktunya. Banyakkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran selepas sembahyang sebagai terapi jiwa dan minda.

IMBASAN MINGGUAN



▲ GEMBIRA ... Salah seorang graduan yang berjaya menerima sijil pada Majlis Konvokesyen Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Ke-28. - Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin.

▲ PARA peserta ketika berentap pada Kejohanan Badminton Shuttle Time Brunei Remaja Bawah 13 Tahun bagi Daerah Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



▲ SEBAHAGIAN daripada kanak-kanak yang menyertai Bengkel Permainan Tradisional Brunei, iaitu program bersempena dengan Cuti Persekolahan Penggal Akhir anjuran Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Cawangan Daerah Tutong. - Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim.

▲ PERCUTIAN menyusuri Sungai Tutong dengan menaiki bot pelancong sambil menikmati hidangan *hi-tea* atau minum petang antara aktiviti yang boleh dilakukan pada hujung tahun ini. - Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad.



▲ PARA peserta yang menyertai Brunei Half-Marathon 2020, yang bermula dan berakhir di Mini Kompleks Sukan, Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

▲ SEBAHAGIAN daripada belia yang menyertai Bengkel Masakan Belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG




MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG



 PSC.BN

  +673 7371961  PSC.BN  PSC.BN  query@spa.gov.bn



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS,
TUTONG

**DIDALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, TUTONG**

**SURAT KUASA PESAKA NO. :
T / LA / 53 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DANG NIYUR BINTI DUNIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DUNIN BIN SANDOR** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **19 DISEMBER 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 5 Disember 2020.

**(DK. NORAFIDAH
BINTI PG. HAJI BUNGSU)**
b/p Tim. Pegawai Waris Tutong
Negara Brunei Darussalam.



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI



NOTIS TAWARAN

1. TENDER NO : RTB / 09 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN SUKAN, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

2. TENDER NO : RTB / 10 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN MAJALAH, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

3. TENDER NO : RTB / 11 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN HAL EHWAL SEMASA, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

4. TENDER NO : RTB / 12 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN DOKUMENTARI, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

5. TENDER NO : RTB / 13 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI DAERAH TUTONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

6. TENDER NO : RTB / 14 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

7. TENDER NO : RTB / 15 / 2020

PERKHIDMATAN PENERBITAN RANCANGAN-RANCANGAN, BAHAGIAN BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA, RADIO TELEVISYEN BRUNEI DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN.

TARIKH TUTUP :
Selasa, 5 Januari 2021
[jam 2.00 Petang]



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA



**INVITATION FOR EXPRESSION
OF INTEREST (EOI) FOR
i-USAHAWAN PROGRAMME**

EXPRESSION of Interest (EOI) forms and further details can be obtained from our website at www.des.gov.bn. The Expression of Interest should reach us **not later than Wednesday, 23rd December 2020, 3.30 pm.**



BIRO MENEGAH RASUAH
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
BMR / SH / 04 / 2020 / 2021

TAJUK TAWARAN :
PROPOSED 6 NOS PARKING LOT FOR BIRO MENEGAH RASUAH KUALA BELAIT BRANCH

**BIRO MENEGAH RASUAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BIL : BMR / SH / 04 / 2020 / 2021**

TARIKH TUTUP :
Selasa, 29 Disember 2020,
jam 2.00 Petang.



BIRO MENEGAH RASUAH
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
BMR / SH / 05 / 2020 / 2021

TAJUK TAWARAN :
PROPOSED CARPENTRY WORK TO INTERVIEW ROOM ON 2nd FLOOR AND 3rd FLOOR

**BIRO MENEGAH RASUAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BIL : BMR / SH / 05 / 2020 / 2021**

TARIKH TUTUP :
Selasa, 29 Disember 2020,
jam 2.00 Petang.





KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

2. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 249 / 2020

TAJUK :
MAINTENANCE AND
EMERGENCY WORKS
TO GOVERNMENT HOUSING,
MINISTRY OF RELIGIOUS
AFFIARS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 250 / 2020

TAJUK :
MAINTENANCE AND
EMERGENCY WORKS
TO MADRASAH & SYARIAH
BUILDING,
JALAN SUMBILING LAMA,
MINISTRY OF RELIGIOUS
AFFIARS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 30 DISEMBER 2020,
2.00 PETANG



1. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 248 / 2020

TAJUK :
MAINTENANCE AND
EMERGENCY WORKS
TO JABATAN HAL EHWAL
MASJID ESTATE,
MINISTRY OF RELIGIOUS
AFFIARS,



KEMENTERIAN TENAGA

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN
KEMENTERIAN TENAGA

Bilangan Tawaran :
ME / RE / RFP / 20 / 0001

Tajuk :
'REQUEST FOR PROPOSAL 'RFP':
PROVISION TO INVEST,
BUILD AND OPERATE
30 MEGAWATT AC SOLAR
PHOTOVOLTAICS POWER PLANT
'SPVPP' ON A REMEDIATED
LANDFILL SITE IN
BRUNEI DARUSSALAM'

Tarikh Tutup :
Selasa, 16 Mac 2021,
jam 2.00 Petang.



JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
PEMOTONGAN POKOK

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 130 / 2020 / 2021
[UPPK - DIS - 2020]

KETERANGAN
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
PEMOTONGAN POKOK
DI PERUMAHAN KERAJAAN
KAWASAN
MAKTAB SAINS PADUKA
SERI BEGAWAN SULTAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
DAERAH BRUNEI MUARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
19 DISEMBER 2020
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
29 DISEMBER 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN PROJEK :
JKR / RFP / DWS / 04 / 2020

NAMA PROJEK :
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
BAGI PERKHIDMATAN
KONSULTAN -
KAJIAN PERSEKITARAN BAGI
MANGANES DAN KANDUNGAN
MINERAL YANG LAIN
DI SEPANJANG SUNGAI TUTONG
(TAWARAN SEMULA)



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Membantu dalam hal ehwal pengurusan pentadbiran termasuk perkeranian, menaip segala persuratan, menyediakan memorandum, minit, urusan pemfailan, menyediakan data maklumat pejabat di Fakulti / Pusat / Bahagian-bahagian di mana akan ditempatkan.

2. Membantu penyemakan (*Proof reading*), sistem pemfailan susulan termasuk memproses permohonan dan Pentadbiran Pejabat.

3. Bertanggungjawab dalam menyimpan dan memastikan fail-fail dalam keadaan teratur dan sempurna.

4. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana fungsi Fakulti / Pusat / Bahagian di UNISSA di mana ditempatkan bertugas setelah dilantik.

5. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki termasuk di luar masa bekerja biasa, hari-hari kelepasan awam dan di mana-mana tempat di bawah kawalan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

6. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT LAIN :

i. Mempunyai perwatakan yang baik dan dapat memberikan komitmen yang tinggi

terhadap tugas dan tanggungjawab serta dapat menjalankan tugas-tugas dengan penyeliaan yang minima.

ii. Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menjalani sesi temu duga.

iii. Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Tatacara Permohonan :

Borang permohonan - **Form P1 (Borang P1)** bolehlah didapati dan diisi melalui *online* di laman sesawang : <http://www.unissa.edu.bn/jobapplication/form-p1/>. Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui *online*, pemohon akan diberikan Application Reference No. (ARN) dan pemohon dikehendaki untuk menghantar e-mel ARN tersebut ke recruitment@unissa.edu.bn.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +673 2462000 sambungan 184 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh Buka Permohonan :
Isnin, 7 Disember 2020

Tarikh Tutup Permohonan :
Isnin, 21 Disember 2020

Rujukan Iklan :
UNISSA / IJK / PT3GH / 004 / 2020



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

IKLAN JAWATAN KOSONG
BERGAJI HARI UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

JAWATAN :
PEKERJA TINGKAT III
(BERGAJI HARI)

TINGKATAN :
D (BND23.00 - BND25.80 SEHARI)
ATAU
C (BND21.60 - BND23.00 SEHARI)

JABATAN :
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

KEKOSONGAN :
TIGA (3) JAWATAN
SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kelulusan Akademik :
2. a) **TINGKATAN D (BND23.00 - BND25.80 SEHARI) :**
i) Lulus 1 'O' hingga 3 'O' Level
b) **TINGKATAN C (BND21.60 - BND23.00 SEHARI) :**
i) Mempunyai kelulusan 'N' Level / City & Guilds / NVC/ NTC 3 / Lulus BJCE / PMB

Kelebihan-Kelebihan :
3. Berkebolehan dalam menggunakan komputer.
4. Berkebolehan menaip aplikasi jawi menggunakan komputer.



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN :
PPN / ASSET / BUU / QTN /
2020 / 12 / 2

NAMA TAWARAN :
QUOTATION FOR SUPPLY,
DELIVERY
AND FIXING CUSTOMADE
PIGEON HOLE
CABINET WITH LABEL HOLDER,
FIRST FLOOR,
CRIMAL JUSTICE DIVISION,
LAW AND COURT BUILDING,
ATTORNEY GENERAL'S
CHAMBERS,
JALAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



TARIKH TUTUP :
SELASA, 22 DISEMBER 2020
jam 2.00 PETANG



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

**SEBUT HARGA BAGI
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN
BANGUNAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI,
JALAN MENTERI BESAR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH
SELAMA SATU (1) TAHUN.**

Rujukan Tawaran :
KP (MC) SUT / 6.12 / ASSET / 09 /
2020 - 2021

Tarikh Tutup :
Rabu, 30 Disember 2020



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAN
PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / RC / 63 (11)
THE MAINTENANCE
AND SERVICE OF
LIFE JACKETS, LIFE RAFTS,
INFLATABLE BOATS
AND TANKS -
FIVE (5) YEARS CONTRACT

TARIKH TUTUP :
SELASA, 12 JANUARI 2021,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAN
PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / 2020 /
DITU / TA / 15
PEMBELIAN DAN PEMASANGAN
'NETWORK FIREWALL
APPLIANCE'
UNTUK PERKHEMAHAN
MUARA, BERAKAS DAN BANGAR

TARIKH TUTUP :
SELASA, 5 JANUARI 2021,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN KESIHATAN



PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN

1. BIL. TAWARAN :
KK / 164 / 2020 / 2021 / JPR (TC)
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
BICARBONATE DIALYSATE
PART A AND PART B
FOR DEPARTMENT OF
RENAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE
(3) YEARS

2. BIL. TAWARAN :

KK / 165 / 2020 / 2021 / JPR (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
CONSUMABLE ITEMS FOR
DEPARTMENT OF RENAL
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE
(3) YEARS

3. BIL. TAWARAN :
KK / 166 / 2020 / 2021 / JPR (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
CONSUMABLE ITEMS FOR
DEPARTMENT OF RENAL
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE
(3) YEARS

4. BIL. TAWARAN :
KK / 167 / 2020 / 2021 / LAB (TC)

KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVER
LABORATORY CONSUMABLE
(PART II) FOR CLINICAL
CHEMISTRY
LABORATORY,
DEPARTMENT OF LABORATORY
SERVICES,

MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE
(3) YEARS USAGE
5. BIL. TAWARAN :
PHARM / 168 / 2020 / 2021
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

6. BIL. TAWARAN :
KK / 169 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
TO PURCHASE HEARING
AID ANALYZER
FOR AUDIOLOGY SERVICES,
CHILD DEVELOPMENT CENTER,
MINISTRY OF HEALTH

7. BIL. TAWARAN :
KK / 170 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE
ITEMS FOR
GENERAL SURGERY
OPERATING THEATRE
AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

8. BIL. TAWARAN :
KK / 171 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE ITEMS
FOR UROLOGY SURGERY,
OPERATING THEATRE UNIT
AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK

SALEHA (RIPAS) HOSPITAL
9. BIL. TAWARAN :
KK / 172 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE ITEMS
(SENSOR WIRETM DUAL-FLEX
PTFE-NITIMOL
WITH HYDROPHILIC TIP)
FOR UROLOGY SURGERY,
OPERATING THEATRE
AT RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

10. BIL. TAWARAN :
KK / 173 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE ITEMS
FOR OTORHINOLARYNGOLOGY
DEPARTMENT
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

11. BIL. TAWARAN :
KK / 174 / 2020 / 2021 / UPP
KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
MEDICAL CONSUMABLE ITEMS
FOR OTORHINOLARYNGOLOGY
DEPARTMENT
RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL

TARIKH TUTUP :
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]
22 DISEMBER 2020

Barigakan tindakan tangani bencana



SEBAHAGIAN daripada aktiviti Program Kesedaran Awam mengenai Pengurusan Risiko Bencana sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Penubuhan NDMC Ke-14 dan juga Sempena Memperingati Hari Pengurusan Bencana ASEAN (ADDM) (atas). Sementara gambar atas kanan, program dimulakan dengan sesi senamrobik.

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) mengadakan Program Kesedaran Awam mengenai Pengurusan Risiko Bencana sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Penubuhan NDMC Ke-14 pada 1 Ogos 2020 lalu dan juga Sempena Memperingati Hari Pengurusan Bencana ASEAN (ADDM) yang disambut setiap 13 Oktober.

Program kali ini yang berlangsung di ruang luar dan bangunan NDMC baru-baru ini di sini disertai beberapa orang wakil

daripada sembilan jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan berpeluang menyertai beberapa aktiviti yang dirancang antaranya Team Building yang dijalankan secara berkumpulan selain menjawab beberapa soalan bertemakan 'Pengurusan Bencana'.

Aktiviti seumpama itu tentunya diharap untuk mencapai objektif membarigakan kepada individu atau masyarakat mengenai tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mengurangkan risiko atau kejadian bencana.

Selain itu, NDMC juga mengadakan Aktiviti Mewarna Gambar Pengurangan Risiko Bencana yang disasarkan kepada kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah dan telah menerima penyertaan seramai kira-kira 50 orang kanak-kanak.

Pameran NDMC juga diadakan bagi mempamerkan maklumat mengenai pusat berkenaan, gambar-gambar dan lukisan para pemenang ADDM pada tahun lalu juga turut dipamerkan di kawasan bangunan berkenaan.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang yang mengikuti semua aktiviti disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah NDMC, Dayang Rina Nurhafiza @ Rezza binti Abdul Rani.



23 kakitangan syarikat diiktiraf Fire Marshal



PARA kakitangan daripada Syarikat AEC Sdn. Bhd. dan Minsan D'Con, Beribi berkesempatan melakukan praktikal tataraca penggunaan alat-alat pemadam api yang betul pada Kursus Fire Marshal tersebut (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Seramai 23 kakitangan daripada Syarikat AEC Sdn. Bhd. dan Minsan D'Con, Beribi mengikuti Kursus Fire Marshal selama tiga hari bermula dari 7 hingga 9 Disember 2020 bertempat di Balai Bomba Bandar Seri Begawan yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan

Penyelamat (JBP). Para peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab dan punca berlakunya kebakaran; mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara bersistematik; tataraca penggunaan alat-alat pemadam api

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat

dan selimut api dengan cara yang betul; dan tataraca untuk menyelamatkan diri dari terperangkap di dalam bangunan bila berlakunya kebakaran.

Diikuti dengan lawatan ke Unit Operasi Wanita bagi mengetahui

fungsi dan peranan sebagai bomba wanita serta mengenali perkakas-perkakas dan peralatan bomba.

Sehubungan ini, JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat

Keselamatan Umum Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tataraca yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong kini bermula



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong semasa melancarkan Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong 2020 dengan acara Mewarna Mercu Tanda Bukit Bendera dan Mercu Tanda Lereng Bukit Pekan Tutong (atas dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Ahad, 13 Disember. - Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong 2020 bermula hari ini dengan acara Mewarna Mercu Tanda Bukit Bendera dan Mercu Tanda Lereng Bukit Pekan Tutong.

Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong 2020 yang bertemakan 'Membudayakan Masyarakat Yang Kreatif' itu dikendalikan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bandaran Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong (BKKKT) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, swasta dan ahli-ahli sukarelawan.

Acara Mewarna Mercu Tanda Bukit Bendera diadakan berhadapan padang Sekolah Rendah Muda Hashim dan

Mercy.

Tanda di lereng bukit Pekan Tutong yang diadakan hari ini dimulakan dengan senaman ringan dan taklimat daripada pihak urus setia, diikuti dengan aktiviti mewarna setiap huruf Mercu Tanda Bukit Bendera dengan pilihan warna yang lebih menarik sesuai dengan lokasinya yang begitu strategik.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyertai acara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji Meludin.

Acara tersebut turut disertai oleh beberapa buah agensi kerajaan di Daerah Tutong, Ahli-ahli Sukarelawan Daerah Tutong (SUKA), Pusat Kegiatan Warga Emas Tutong (PKWE) dan Sukarelawan Belia.

Mercu Tanda Bukit Bendera mula dibina pada 27 Disember 2014 dan menjadi salah satu tarikan di Daerah Tutong oleh para pengunjung yang ingin merakamkan lembaran kenangan semasa berada di Daerah Tutong.

Manakala Mercu Tanda di lereng bukit Pekan Tutong dibina sekitar tahun 1980-an.

Beberapa aktiviti dan program telah pun disusun sepanjang Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong 2020 pada bulan Disember ini dan Januari depan, antaranya ialah aktiviti Melukis dan Mewarna Mural di kawasan Zon Bersih Pekan Tutong; Program konservasi dan inovasi budaya etnik Daerah Tutong; Program Kebelaaan 3K Majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong; dan acara Tutongku Ceria.

Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong 2020 adalah wadah ke arah membudayakan masyarakat yang kreatif dan berinovasi serta mampu

menyumbang kepada kemajuan negara.

Ia juga dilihat sebagai pemangkin bagi menggerakkan

program-program kreatif dan inovasi melalui penglibatan senegara atau Whole of Nation Approach.

فجابت سوروهناجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Disember. - Gara-gara pecah masuk rumah dengan tujuan mencuri, dua lelaki warga tempatan dijatuhi hukuman penjara oleh Mahkamah Perantaraan, di sini.

Yang Arif Harnita Zelda Skinner menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohammad Zulkarnain bin Abd. Manaf (D1), 31 tahun, selama enam tahun; dan Muhammad Shariffudin bin Abd. Manaf (D2), 29 tahun, lima tahun tiga sebulan selepas keduanya mengaku bersalah memecah

masuk rumah dan mencuri pada 7 Jun 2019, kira-kira jam 11.00 malam, di Jalan Ban 1A, Kampung Mulaut.

Mengikut fakta kes, kedua-dua tertuduh bersama MR A pergi ke rumah di Ban 1A, Kampung Mulaut dengan tujuan mencuri dengan menggunakan sebuah kereta Suzuki SX4.

Dalam kejadian tersebut, MR A mengarahkan D1 untuk turun dari kereta dan mengetuk pintu depan namun tidak mendapat sebarang respons.

D1 memaklumkan hal tersebut

ke MR A dan MR A dan D2 menuju ke rumah mangsa, manakala D1 hanya menunggu di dalam kereta sahaja.

Kemudian, MR A memecah masuk melalui jendela dan D2 menunggu di luar jendela untuk membawa bungkusan beg yang mengandungi barang curi dan beberapa minit kemudian, MR A keluar dari rumah melalui pintu belakang dengan membawa lebih banyak barang.

Ketiganya kemudian membahagikan barang curi tersebut yang terdiri daripada satu komputer riba ACER, satu projektor, satu pembesar suara, dua Samsung Tab dan dua bekas berisi wang tunai dan syiling.

Mahkamah juga menjatuhkan hukuman penjara terhadap Mohammad Zulkarnain kerana melakukan kesalahan memandu tanpa memiliki Lesen Memandu yang sah.

Setelah disiasat, beliau juga mengaku mengeluarkan plat lesen asli kereta Vios tersebut yang berdaftar BP 2717 dan

menggantinya dengan plat nombor BAA 8740.

Semasa berada di pejabat Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), tertuduh turut dikeluarkan beberapa kesalahan, namun tertuduh segera meninggalkan pejabat tersebut bersama-sama dengan dua orang rakannya.

Semasa tertuduh memandu kereta Vios tersebut dengan nombor pendaftaran BAA 8740 di kawasan berhampiran Rimba Garden Central, tertuduh turut memandu dengan cuai sehingga merempuh kenderaan lain iaitu lori pikap Isuzu.

Selepas terlibat kemalangan bersama lori pikap Isuzu berkenaan, beliau meneruskan perjalanan di sepanjang Lebuhraya Tungku sehingga berada di persimpangan keluar menuju Institut Perkhidmatan Awam, beliau hilang kawalan dan merempuh penghalang jalan yang menyebabkan kereta tersebut berhenti.

Mohammad Zulkarnain

kemudian bertindak melarikan diri menuju Rumah Kembar Rimba, Gadong dan meninggalkan dua orang rakan beliau dalam kenderaan tersebut.

Mohammad Zulkarnain kemudian mendapati sebuah kereta Nissan Latio dan membawa lari kereta tersebut menuju ke jalan raya Jerudong, di mana beliau kemudian ditahan dan kereta tersebut berjaya didapati semula. Tertuduh turut mempunyai rekod kesalahan curi pada tahun 2017.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Dr. Mohammad Hussin Ali bin Idris dan Timbalan Pendakwa Raya, Nor' Adliatul Hidayah binti Haji Mohd. Zaidi memohon hukuman setimpal supaya dapat memberi pengajaran kepada tertuduh.

Mahkamah memerintahkan kedua-dua tertuduh menjalani hukuman penjara itu secara serentak bagi pertuduhan bermula dari tarikh mereka ditangkap pada 26 November 2019.

2 lelaki tempatan dijatuhi hukuman

Mensyukuri nikmat kesihatan sebagai anugerah Allah



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

MAJLIS Ilmu adalah merupakan salah satu acara utama perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diungkahkan oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu sejak tahun 2004. Majlis Ilmu telah banyak menyumbangkan berbagai ilmu pengetahuan yang relevan dan semasa kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan diteruskan sehingga ke hari ini.

Sepanjang tahun, majlis ini telah pun banyak menyumbangkan pelbagai bidang ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk negara ini sama ada melalui seminar, forum dan juga ceramah. Dalam Majlis Ilmu ini, peserta seminar berpeluang untuk mendengar ceramah dalam pelbagai skop yang setentunya memberikan pengetahuan yang lebih meluas.

Majlis Ilmu menjadi mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kedudukan sebagai pemimpin Islam yang amat menitikberatkan kepentingan ilmu untuk semua lapisan masyarakat dan sebagai wadah menghidangkan ilmu dan maklumat yang berguna kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Majlis Ilmu adalah juga satu platform yang menyatukan ummah di bumi Brunei Darussalam dengan negara-negara Islam serantau dan antarabangsa, melalui penglibatan penceramah-penceramah undangan dari luar dan penganjuran bersama. Tetapi pada tahun ini Majlis Ilmu akan diadakan mengikut norma baharu disebabkan oleh pandemik COVID-19 dengan mengambil kira keselamatan orang ramai.

Walau bagaimanapun pada tahun ini, para penceramah adalah terdiri daripada penceramah tempatan yang tidak kurang hebatnya dalam menyampaikan ilmu kepada orang ramai yang hadir dalam acara-acara sektoral yang diadakan sempena Majlis Ilmu itu nanti.

Pada tahun ini, tema bagi majlis Ilmu ialah 'Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah'. Tema tersebut adalah bertepatan dengan keadaan pada

masa kini di mana dunia bergelut dengan pandemik COVID-19.

Kesihatan adalah satu anugerah nikmat yang besar daripada Allah kepada kita semua. Dengan fizikal dan mental yang sihat adalah asas kepada pembangunan dan kesejahteraan ummah. Ini adalah kerana kehidupan sihat adalah merupakan salah satu asas utama ke arah mencapai kejayaan dan kemajuan dalam pelbagai bidang. Selain itu menjaga kesihatan dan kesejahteraan diri adalah amanah Allah yang mewajibkan hamba-Nya untuk sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat dan bersih. Kemudahan kesihatan yang diberikan untuk semua lapisan masyarakat, bukan sahaja untuk warga emas tetapi juga untuk wanita, belia dan kanak-kanak.

"Akhirnya beta berharap semua kita di negara ini akan mengambil perhatian terhadap apa jua perkembangan semasa, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan perkara kesihatan, kerana kesihatan itu tidak syak lagi adalah satu rukun untuk memperoleh segala kebaikan".

Titah perutusan Kebawah DYMM sempena Hari Raya Aidilfitri, Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sudah menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Kemudahan kesihatan yang diberikan kepada seluruh masyarakat di negara ini diberi secara percuma, dan kita patut bersyukur dengan nikmat yang diberikan apatah lagi kesihatan ini sangat berharga yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Sebagai rakyat dan penduduk di negara ini kita mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam penjagaan kesihatan supaya tidak membebankan pihak kerajaan. Kita tahu yang kesihatan sangat penting dan berharga, bukan sahaja untuk diri kita tetapi juga keluarga. Walaupun banyak kemudahan kesihatan yang sudah disediakan oleh pihak kerajaan, kita sebagai rakyat juga mesti sama-sama menjaga kesihatan kita dengan mengurangkan pengambilan gula, garam

dan makanan berlemak. Kita juga digalakkan untuk aktif bersenam atau pun beriadah sama keluarga. Tingkatkan pengambilan makanan buah-buahan dan sayur-sayuran, setiap hari makan sekurang-kurangnya lima hidangan buah-buahan dan sayur-sayuran. Badan yang sihat adalah anugerah Allah kepada kita maka jaga dan pertahankan anugerah kesihatan itu kerana tidak semua orang bernasib baik untuk mempunyai tubuh badan yang sihat.

Kementerian Kesihatan menyediakan dan memberi banyak perkhidmatan dan kemudahan kesihatan untuk kitani semua. Setiap daerah mempunyai hospital sendiri dan begitu juga pusat-pusat kesihatan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Semua kemudahan ini adalah untuk memastikan setiap rakyat dan penduduk di negara ini mendapat akses yang sama dalam penjagaan kesihatan.

Selain itu kesedaran orang ramai membuat aktiviti senaman semakin meningkat seperti *hiking* dan berbasikal. Kerajaan juga menyediakan platform seperti *Bandarku Ceria* untuk kita sama-sama aktif bersenam ataupun meluangkan masa bersama keluarga yang diadakan pada setiap Ahad.

Alhamdulillah, kita di negara ini sudah pun mempunyai dasar perkhidmatan penjagaan kesihatan secara komprehensif dan menyeluruh, yang berkonsepkan *universal health coverage*. Kita kini telah berjaya menepati sasaran-sasaran kesihatan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), termasuk juga Matlamat Pembangunan Milenium atau Millennium Development Goals (MDG) yang berkaitan dengan kesihatan.

Kementerian Kesihatan telah menyediakan pelbagai aktiviti serta program promosi kesihatan yang memfokuskan kepada pengamalan cara hidup yang sihat dan kawalan faktor-faktor risiko bagi penyakit tidak berjangkit seperti penggunaan tembakau, kurang melakukan kegiatan fizikal, obesiti dan pemakanan yang tidak sihat. Antara program-program yang dilaksanakan adalah Program Mukim Sihat, Program kesihatan untuk warga emas, Program Kesihatan Tempat Kerja, Program Pilihan Makanan Sihat. Program-program ini juga melibatkan

kerjasama dengan agensi-agensi lain. Kementerian Kesihatan juga memberikan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah, ia juga menjalankan pemeriksaan kesihatan dan program vaksinasi bagi HPV vaksin di sekolah-sekolah.

Sebelum itu tema yang berkaitan dengan kesihatan juga pernah diadakan di Perasmian Majlis Ilmu 2012 sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-66 Tahun yang membawa tema berbunyi : 'Nikmat Kesihatan Asas Kesejahteraan Negara'.

Sambutan Majlis Ilmu yang akan diadakan pada 15 Disember 2020 di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan diharap akan dapat membuka minda masyarakat di negara ini dengan ilmu untuk keberkatan kita semua. Pada majlis tersebut, Siaran Titah Perutusan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Ilmu 2020 akan dapat disaksikan pada majlis berkenaan. Antara acara utama ialah Ceramah Khas yang akan disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Selain daripada Sambutan Majlis Ilmu, Ceramah Khas, acara-acara sektoral juga akan diadakan sehingga Mac 2021. Begitu juga acara-acara iringan sempena Majlis Ilmu 2020 iaitu Forum, Ceramah dan Halaqah yang juga akan diadakan di masjid-masjid di keempat-empat daerah.

Rakyat dan penduduk di negara ini diharap akan dapat bersama-sama menghadiri acara-acara yang telah diatur bersempena dengan Majlis Ilmu untuk menimba ilmu terutama generasi belia yang akan menerajui pentadbiran negara akan datang.

Kurangkan risiko demensia dengan mengubah gaya hidup

MENURUT penyelidikan 'Dementia Prevention, Intervention and Care : 2020, Report of The Lancet Commission', satu daripada tiga kes demensia di seluruh dunia dapat dicegah dengan tindakan berdasarkan 12 faktor risiko sepanjang hidup.

Laporan tersebut menunjukkan kuasa pembuat dasar dan individu untuk mencegah dan menunda sebilangan besar demensia, dengan peluang untuk memberi kesan pada setiap tahap kehidupan seseorang. Campur tangan cenderung memberi kesan besar pada mereka yang dipengaruhi oleh faktor risiko demensia secara tidak proporsional (*disproportionately*), seperti di negara berpendapatan rendah dan sederhana dan penduduk yang rentan (*vulnerable*).

Beberapa penemuan dan implikasi sepertimana laporan penyakit tidak berjangkit, di luar demensia antaranya :

- 40 peratus kes demensia dapat dicegah atau dilambatkan dengan menyasarkan 12 faktor risiko sepanjang kehidupan.

- Pengambilan alkohol yang berlebihan dan kecederaan kepala pada pertengahan usia, serta pendedahan kepada pencemaran udara pada kemudian hari, adalah tambahan senarai faktor risiko utama demensia, menambahkan lagi jumlah penyebab dapat dicegah dari sembilan menjadi 12 faktor.

- Sembilan faktor risiko lain termasuklah kurang pendidikan, darah tinggi, kurang pendengaran, merokok, obesiti, kemurungan, fizikal tidak aktif, kencing manis dan kurang pergaulan.

- Potensi untuk mencegah kes demensia adalah tinggi dan kesan terbesar mungkin dapat dilihat di negara berpendapatan rendah dan pertengahan di mana dua pertiga kes berlaku, dan juga di negara berpendapatan tinggi di mana penyakit tidak berjangkit adalah lazim.

Menurut kajian 28 pakar antarabangsa mendapati bahawa campur tangan dan perawatan awal, serta mengubah pilihan gaya hidup dapat melambatkan dan bahkan

mencegah penyakit itu terjadi di kemudian hari bagi kebanyakan orang.

Melambatkan demensia selama beberapa tahun walaupun hanya untuk peratus yang kecil merupakan pencapaian yang sangat besar dan membolehkan lebih banyak orang tidak mengalami demensia pada akhir hayat mereka.

Kajian telah mendapati bahawa pendidikan yang lebih baik pada awal kehidupan, mengatasi masalah pendengaran lebih awal, merawat tekanan darah tinggi dan obesiti pada usia pertengahan sahaja dapat mencegah 20 peratus kes demensia.

Mengubati kemurungan, bersenam, tidak merokok, bergaul dan mengawal kencing manis akan dapat mengurangkan risiko sebanyak 15 peratus lagi.

Sementara jika 12 faktor dapat ditangani dengan berkesan, ia akan dapat mengurangkan kes demensia sebanyak 35 peratus.

Kajian menunjukkan bahawa, walaupun kebanyakan kes didiagnosis pada penghujung usia - umumnya gejala seperti kekeliruan muncul pada usia lebih dari 65 tahun - perubahan otak berlaku bertahun-tahun sebelumnya, dan faktor risiko harus ditangani sepanjang hayat, bukan hanya pada usia tua.


Mesej yang jelas dari kajian ini adalah demensia bagi kebanyakan orang bukanlah akibat penuaan yang tidak dapat dielakkan. Gaya hidup boleh mengurangkan atau meningkatkan risiko seseorang.

Menurut Persekutuan Penyakit Alzheimer Antarabangsa (ADI), sekitar 50 juta orang di seluruh dunia hidup dengan demensia, dan jumlah ini dijangka meningkat kepada 152 juta pada tahun 2050, terutama di negara berpendapatan rendah dan sederhana di mana sekitar dua pertiga orang hidup dengan demensia. Pertumbuhan terpantas warga emas berlaku di China, India, dan negara-negara jiran Asia Selatan dan Pasifik Barat. Demensia mempengaruhi individu, keluarga mereka, dan ekonomi, dengan kos global yang dianggarkan sekitar USD1 trilion setiap tahun.

Terdapat lebih daripada 9.9 juta kes baharu demensia setiap tahun di seluruh

Faktor risiko demensia


Maklumat terkini Suruhanjaya Lancet mengenai pencegahan demensia, intervensi dan penjagaan, memperlihatkan model kehidupan yang menunjukkan 12 faktor risiko yang berpotensi diubah menyumbang sekitar 40 peratus demensia di seluruh dunia



MODEL jangka hayat yang menyumbang kepada faktor risiko yang boleh diubah terhadap demensia.

Oleh : Ihsan Datin Jacqueline WM Wong, Penasihat Kehormat, Demensia Brunei dengan kerjasama Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

Bilangan penghidap demensia di negara berpendapatan rendah dan sederhana berbanding dengan negara berpendapatan tinggi



SUMBER : Persekutuan Penyakit Alzheimer Antarabangsa (ADI).

dunia, bersamaan satu kes baharu setiap tiga saat.

Jumlah warga emas di rantau Asia Pasifik meningkat pada kadar yang belum pernah terjadi sebelumnya dan ia berada di barisan hadapan penuaan penduduk global. Menjelang 2050, satu daripada empat orang di Asia dan Pasifik akan berusia lebih dari 60 tahun. Penduduk warga emas (berumur

lebih dari 60) di rantau ini akan meningkat tiga kali ganda antara tahun 2010 dan 2050, iaitu hampir 1.3 bilion orang. Demensia kebanyakannya mempengaruhi orang tua, walaupun terdapat kesedaran mengenai kes yang bermula sebelum usia 65 tahun.

Beberapa negara yang paling cepat penuaan di dunia adalah di Asia Tenggara termasuk ASEAN. Penduduk Singapura berusia lebih dari 65 tahun dijangka mencapai 26.6 peratus pada tahun 2035. Manakala penduduk warga emas di Thailand dijangka mencapai 22.8 peratus. Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan nisbah kebergantungan usia tua di Thailand meningkat lebih daripada 50 peratus pada tahun 2050. Di Vietnam, statistik menunjukkan negara ini mempunyai 11.3 juta warga emas dengan 1.8 juta berusia lebih 80 tahun dan bahagiannya akan meningkat kira-kira 20 peratus menjelang 2038.

Pada tahun 2018, penduduk warga emas (individu berumur di atas 60) di Negara Brunei Darussalam dianggarkan berjumlah 40,000 yang mewakili 10.7 peratus daripada penduduk negara ini, dengan anggaran lebih dari 2,000 orang hidup dengan demensia. 16 peratus penduduk Negara Brunei Darussalam akan berumur 65 tahun ke atas menjelang 2040.

Melihat perubahan ini pada seluruh masyarakat, keperluan kepimpinan tempatan untuk mengatasi demensia adalah perlu, namun penemuan Indeks menunjukkan bahawa bandar-bandar di seluruh dunia belum sepenuhnya memanfaatkan peluang untuk mendukung perkembangan atau penggunaan inovasi dalam perawatan, rawatan dan sokongan demensia.

Nasi lemak rendang pucuk ubi beri nafas baharu peniaga terkesan PKP



REMBAU, 13 Dis. - Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lepas susulan penularan pandemik COVID-19 menyebabkan golongan bekerja sendiri khususnya para peniaga terpaksa mencari kaedah lain bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Situasi itu juga telah mencetuskan idea buat peniaga nasi lemak Hapiza Ibrahim, 50, yang mencipta kelainan dalam jualannya dengan memperkenalkan rendang pucuk ubi dalam hidangan nasi lemak yang kian menjadi pilihan bagi penduduk setempat.

Ibu kepada empat anak itu berkata dia mewarisi perniagaan ibunya yang menjual nasi lemak sejak 1970-an dan kini mempunyai sebuah kedai makan iaitu Kedai Uwan Ebot yang terletak di

Kampung Chengkau Ulu, Kota, di sini.

"Perniagaan nasi lemak saya sebelum ini terjejas teruk sejak PKP dan semasa PKP juga saya ada buat rendang pucuk ubi dan rendang daging salai di rumah, jadi anak-anak beri idea untuk meletakkan kedua-dua menu itu dalam nasi lemak yang dijual.

"Alhamdulillah...saya tak sangka ia mendapat sambutan dalam kalangan penduduk setempat malah ia menjadi tular sehingga ada pelanggan dari Putrajaya dan Kuala Lumpur sanggup datang ke gerai ini semata-mata untuk merasai nasi lemak rendang pucuk ubi," katanya ketika ditemui Bernama baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Hapiza berkata proses penyediaan rendang pucuk

ubi menggunakan resipi turun-temurun, yang merupakan hidangan tradisional Negeri Sembilan itu agak rumit kerana mengambil masa selama 12 jam dan memerlukan dua hari untuk menghasilkannya.

Jelasnya, dia menggunakan kaedah tradisional iaitu merebus pucuk ubi selama empat jam dengan kayu api bagi menghasilkan rasa lebih unik dan beraroma dan kemudian dimasak seperti biasa manakala proses terakhir adalah mengeringkan rendang pucuk ubi di atas dapur gas dengan menggunakan api kecil.

"Rasa rendang pucuk ubi yang unik dan aroma wangi inilah yang menjadi antara daya penarik sehingga ia mendapat permintaan tinggi oleh peminatnya,"

katanya.

Anak jati Negeri Sembilan itu berkata, sebanyak tujuh kilogram pucuk ubi digunakan untuk tempoh lima hari dan ia dijual setiap hari kecuali Khamis dan Jumaat bermula seawal 7.00 pagi hingga 2.00 petang.

Hapiza berkata selain nasi lemak rendang pucuk ubi, terdapat juga nasi lemak biasa, nasi lemak sambal petai, nasi lemak sambal paru, nasi lemak rendang daging salai, nasi lemak '3 in 1' dan lempeng kelapa yang dijual di kedainya pada harga sekitar RM1.50 hingga RM7.

Ditanya mengenai perancangan masa depannya, Hapiza berkata dia merancang menyediakan khidmat penghantaran makanan bagi memudahkan pelanggan selain dapat mengelakkan aktiviti

bersemuka ketika pandemik COVID-19 ini.

"Jadi pelanggan tidak perlu bersusah payah datang, selain dapat mencipta peluang baharu kepada penduduk tempatan menjadi *rider* menghantar makanan khususnya dalam kalangan anak muda," katanya.

Jelasnya, dia berhasrat menjadikan Kampung Chengkau Ulu antara satu daripada kawasan yang dikenali dalam menghasilkan nasi lemak rendang pucuk ubi.

"Jika Cameron Highlands popular dengan nasi lemak strawberi, Rembau pula memiliki nasi lemak rendang pucuk ubi yang sukar didapati di mana-mana restoran terutama untuk dinikmati ketika bersarapan," katanya. - ©BERNAMA

Program pembangunan perkasa peranan, sumbangan belia di Melaka

MELAKA, 13 Dis. - Kerajaan negeri Melaka melalui Melaka Youth Development Corporation (MYDC) akan terus melaksanakan pelbagai program pembangunan belia pada tahun hadapan dalam usaha memperkasa peranan dan sumbangan belia di negeri ini.

Exco Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Pembangunan Belia dan Sukan Melaka Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen berkata pelaksanaan program menerusi peruntukan tahunan sebanyak RM500,000 itu merangkumi pelbagai sektor antaranya ekonomi, pendidikan, sukan, sosial dan kebajikan.

"Belia memainkan peranan penting dalam menentukan hala

tuju pembangunan dan kemajuan negeri, kita peka tentang perkembangan dan keperluan belia di Melaka dari semasa ke semasa menerusi pelbagai program yang dianjurkan.

"Program itu akan mengambil kira impak kepada belia kerana kita mahu program yang disertai dapat meningkatkan kemahiran atau ilmu belia dalam bidang tertentu sekali gus menaik taraf kehidupan dan ekonomi mereka," katanya kepada pemberita selepas Program Jogging Bersama Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Dr Mohd Ali Rustam dan Perasmian Landskap di Taman Rekreasi Satu Krubong di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata program terbaharu yang akan

dianjurkan ialah kursus menjahit percuma khususnya untuk golongan belia wanita dan sehingga kini pendaftarannya telah mencecah sebanyak 150 orang.

Dalam perkembangan lain, katanya Projek Perumahan Belia yang akan dibangunkan di Tanjung Minyak di bawah Bajet 2021 kerajaan negeri Melaka dilihat mampu membeli peluang pada golongan belia di negeri ini untuk memiliki rumah sendiri.

Mohd Rafiq berkata projek yang meliputi 411 unit rumah itu merupakan tambahan daripada 280 unit rumah di bawah projek sama yang dibangunkan di Durian Tunggal sebelum ini. - ©BERNAMA

Banjir pulih, 20 mangsa di Kuala Muda dibenarkan pulang

SUNGAI PETANI, 13 Dis. - Banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di daerah Kuala Muda pulih selepas kesemua 20 mangsa daripada tujuh keluarga dibenarkan pulang ke rumah masing-masing tengah hari tadi.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Kuala Muda yang juga Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Kuala Muda Kapten (PA) Azahar Ahmad berkata PPS Dewan Komuniti KOSPEN Kampung Bukit Belah di sini yang menempatkan mereka ditutup pada 1.00 tengah hari.

"Melihat kepada keadaan semasa banjir di kawasan terjejas, semua mangsa dibenarkan pulang dan PPS Dewan Komuniti KOSPEN Kampung Bukit Belah yang dibuka sejak pukul 6.30 petang semalam, ditutup," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Terdahulu, Bernama melaporkan sebanyak lima kawasan di daerah Kuala Muda iaitu Kampung Haji Wahab, Taman Sutera Idaman, Kampung Bukit Belah, Taman Kenari Jaya dan di belakang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Min Terk dilanda banjir kilat sejak petang semalam ekoran hujan lebat. - ©BERNAMA

China gesa dunia bersatu majukan tadbir urus tangani perubahan iklim

BEIJING, 13 Dis. - Presiden China Xi Jinping menyeru semua pihak bersatu padu untuk mencapai kemajuan dalam tadbir urus iklim global di samping mengamalkan situasi sama menang bagi memastikan semua negara mampu mengatasi cabaran perubahan iklim dunia.

China juga mengalu-alukan sokongan semua negara terhadap Perjanjian Paris dan sumbangan besar yang diberikan selama ini terhadap usaha menangani perubahan iklim, katanya.

Beliau berkata demikian pada Sidang Kemuncak Climate Ambition anjuran China dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sempena ulang tahun kelima Perjanjian Paris, diadakan secara maya pada Sabtu.

Selain itu, Presiden Xi mencadangkan semua negara menyumbang idea dan pandangan bagi membolehkan pembentukan sistem baharu tadbir urus iklim.

"Meskipun setiap negara mempunyai tugas yang berbeza tanggungjawab tetap sama dan semua prinsip yang ada perlu dipatuhi bagi memperkasakan tindakan secara maksimum berdasarkan keupayaan dan keadaan negara masing-masing," katanya.

Menurutnya lagi negara maju perlu meningkatkan sokongan terhadap negara membangun dalam hal berkaitan modal, teknologi dan peningkatan keupayaan di samping usaha dan pendekatan baharu dalam tadbir urus iklim yang berorientasikan pemuliharaan hijau perlu lebih diperkasa.

Justeru, Xi menyarankan tumpuan dan langkah lebih proaktif dalam menjalani kehidupan hijau perlu diterapkan selain mengurangkan penghasilan karbon dan mencari peluang serta penggerak baharu untuk memacu proses pembangunan hijau. Presiden Xi menegaskan China kekal komited untuk terus menyumbang kepada usaha menangani cabaran perubahan iklim global. - ©BERNAMA

RM11.26 juta bagi teruskan inisiatif Heart Of Borneo - Shamsul Anuar

KUALA LUMPUR, 13 Dis. - Kerajaan komited meneruskan inisiatif Heart of Borneo (HoB) dengan meluluskan peruntukan berjumlah RM11.26 juta bagi melaksanakan projek dan aktiviti di bawah inisiatif itu dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) tahun depan, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata kesinambungan pelaksanaan HoB di bawah RMK12 itu amat penting selaras dengan matlamat pengurusan hutan secara berkekalan dan usaha konservasi kepelbagaian biologi di kepulauan Borneo dan Malaysia.

Katanya hingga kini kerajaan telah menyalurkan RM90.3 juta di bawah RMK9 hingga RMK11 bagi membiayai projek di bawah inisiatif HoB di Sabah dan Sarawak.

"Semenjak deklarasi HoB ditandatangani pada 2007, pelbagai usaha dan aktiviti

pemeliharaan dan pemuliharaan di kawasan yang telah dikenal pasti di bawah inisiatif HoB telah dilaksanakan oleh Malaysia, Brunei dan Indonesia.

"Beberapa siri rundingan, mesyuarat dan seminar mengenai HoB juga telah diadakan sebagai platform untuk ketiga-tiga negara bertukar-tukar pengalaman, idea serta membincangkan isu-isu yang menyentuh kepentingan bersama mengenai HoB," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Shamsul Anuar berkata antara pencapaian membanggakan sepanjang 13 tahun pelaksanaan inisiatif itu ialah pertambahan keluasan kawasan HoB Malaysia di Sarawak dari 2.1 juta hektar kepada 2.7 juta hektar dan peningkatan keluasan Totally Protected Areas (TPA) di Sabah sebanyak 125,865 hektar.

Selain itu, penganjuran International HoB Conference secara tahunan oleh kerajaan negeri Sabah telah menjadikan acara tersebut sebagai sebuah

program flagship di bawah inisiatif HoB Malaysia.

"Saya merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak atas usaha dan komitmen berterusan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif HoB ini.

"Kementerian Tenaga dan Sumber Asli selaku Pengerusi Kumpulan Kerja Pakar HoB dan national focal point bagi inisiatif ini akan terus komited dan menyokong penuh pelaksanaan inisiatif HoB sebagai antara projek nasional," katanya.

Malaysia, Brunei dan Indonesia sepakat menandatangani Deklarasi Heart of Borneo (HoB) pada 2007 demi memastikan khazanah semula jadi di kepulauan Borneo seperti flora dan fauna, diuruskan secara berkekalan.

Jumlah keluasan kawasan yang terabit di bawah Inisiatif HoB ialah 20 juta hektar dengan 6.8 juta hektar terletak di Sabah dan Sarawak. - ©BERNAMA



51 pendatang tanpa izin ditahan dalam Operasi Benteng

KUALA LUMPUR, 12 Dis. - Sejumlah 51 pendatang tanpa izin dan seorang tekong ditahan dalam Operasi Benteng semalam, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata operasi itu, yang melibatkan kerjasama antara Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia turut menyaksikan rampasan enam kenderaan dan dua bot.

"Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba memasuki sempadan negara secara haram dan agensi penguatkuasa

akan terus menegatkan kawalan kawasan sempadan terutama di lorong-lorong tikus," menurutnya dalam kenyataan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Pemulihan (PKPP) hari ini.

Beliau juga berkata sebanyak 241 individu ditahan atas kesalahan ingkar arahan PKP semalam dengan 202 orang dikompaun manakala 39 lagi ditahan reman membabitkan kesalahan seperti gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (78), tidak

memakai pelitup muka (77), gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (43), aktiviti pusat hiburan (41) dan lain-lain (2).

Mengenai kuarantin wajib, Ismail Sabri berkata sebanyak 86,398 individu pulang ke tanah air sejak 24 Julai hingga semalam dan mereka ditempatkan di 78 hotel serta 19 institut latihan awam seluruh negara.

Menurutnya daripada jumlah itu, sebanyak 12,827 individu sedang menjalani proses kuarantin wajib, 543 orang dihantar ke hospital untuk rawatan manakala 73,028

lagi dibenarkan pulang.

Bagi operasi sanitasi awam pula, sebanyak 39 operasi diadakan di 11 negeri iaitu Sabah (sembilan operasi), Melaka (sembilan), Johor (empat), Sarawak (empat), Kedah (tiga), Perak (tiga), Selangor (dua), Pahang (dua), Terengganu (satu), Pulau Pinang (satu) dan Perlis (satu).

Mengulas mengenai barangan

keperluan asas, Ismail Sabri berkata penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melakukan 525 pemeriksaan khas pematuan prosedur operasi standard PKPP di 689 premis perniagaan termasuk peruncit (518), pemborong (143) dan pengilang (28) semalam. - ©BERNAMA

Beberapa kawasan dikenal pasti sumbang peningkatan kes COVID-19 di Sandakan

SANDAKAN, 12 Dis. - Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sandakan mengenal pasti beberapa kawasan yang disyaki menyumbang kepada kenaikan jumlah harian kes COVID-19 baharu di daerah ini, kata Timbalan Pengerusinya ACP Mohd Azhar Hamin, hari ini.

Beliau berkata Kementerian Kesihatan dan jabatan serta agensi kerajaan yang berkaitan akan menjalankan ujian saringan COVID-19 yang disasarkan di kawasan tersebut bagi mengekang penularan virus itu.

"Kementerian Kesihatan berterusan menjalankan pemeriksaan bagi mengenal pasti daerah mana yang menyumbang kenaikan kes COVID-19 harian, di Sandakan.

"Sekiranya kita mengesan kawasan yang cenderung menyumbang kenaikan kes, ujian saringan awam akan dijalankan Kawasan tersebut," katanya kepada pemberita selepas memantau ujian saringan awam COVID-19 di Pulau Berhala dekat sini.

Pulau Berhala diisytiharkan sebagai kluster baharu COVID-19 pada 6 Dis lepas dengan kes positif dikesan sejak 20 Nov.

Mohd Azhar, yang juga Ketua Polis Daerah berkata Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sandakan akan terus berusaha memutuskan rantai jangkitan COVID-19, meskipun jumlah harian kes berkurangan sejak beberapa hari lepas.

Beliau juga meminta semua

lapisan penduduk Sandakan agar menepis tanggapan negatif mengenai ujian saringan umum COVID-19 secara percuma, yang dikatakan tidak selesa ketika menjalani ujian saringan itu kerana mereka juga perlu berperanan dalam mengekang penularan wabak berkenaan.

Setakat semalam, Sandakan merekodkan 792 kes aktif, termasuk 49 kes baharu.

Sandakan telah merekodkan kes baharu dua digit setiap hari selama 11 hari lepas dengan kes tiga digit terakhir sebanyak 176 dilaporkan pada 28 Nov lepas.

Jumlah kes aktif juga menurun kepada tiga digit, dengan empat digit terakhir dicatatkan pada 2 Dis dengan 1,052 kes. - ©BERNAMA

Seorang maut selepas lima kereta dirempuh lori

SEREMBAN, 12 Dis. - Seorang penjawat awam maut, manakala seorang lelaki cedera dalam kemalangan membabitkan lima kereta yang dirempuh lori di persimpangan lampu isyarat di Kilometer 15 Jalan Kuala Pilah-Simpang Pertang, Jempol, dekat sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Jempol Supt Hoo Chang Hook berkata kejadian pada jam 12.50 tengah hari itu mengakibatkan mangsa Normaheiran Mohamad, 47, maut di tempat kejadian, manakala seorang lagi pemandu P. Rajan, 56,

mengalami patah kaki dan tangan.

"Siasatan awal mendapati kemalangan berlaku apabila lori dari arah Simpang Pertang menghala ke Kuala Pilah tidak sempat berhenti ketika lampu isyarat bertukar merah dan dipercayai gagal mengawal kenderaan lalu merempuh bahagian belakang lima kereta yang berada di hadapannya.

"Susulan kemalangan itu, mangsa yang berada dalam kereta ketiga meninggal dunia di tempat kejadian akibat tersepit, manakala pemandu kenderaan lain tidak

mengalami kecederaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Hoo berkata mayat mangsa dibawa ke Hospital Jempol untuk bedah siasat, manakala mangsa lelaki yang cedera dikejarkan ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah.

Jelasnya, hasil saringan ujian air kencing terhadap pemandu lori mendapati positif dadah jenis methamphetamine dan ditahan di bawah Seksyen 44 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi membantu siasatan. - ©BERNAMA

Pekerja asing tapak binaan maut tertimbus di Kuantan

KUANTAN, 12 Dis. - Seorang pekerja kontrak dipercayai warga Bangladesh maut setelah tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di sebuah tapak pembinaan di KotaSAS di sini, hari ini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Ismail Abdul Ghani

berkata, enam anggota bomba dari balai bomba Indera Mahkota dikejarkan ke tempat kejadian setelah dimaklumkan mengenai kejadian itu pada jam 2.00 petang.

"Kami menggunakan dua pengorek kaut untuk menggali tanah di tapak pembinaan sebelum mangsa ditemukan pada pukul 2.30 petang, namun mangsa telah

disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Ismail berkata, mayat mangsa diserahkan kepada polis untuk dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) dan tindakan selanjutnya. - ©BERNAMA

Balak dengan nilai royalti RM1.09 juta dirampas di Sarawak - Awang Tengah

KUCHING, 12 Dis. - Sejumlah 18,826 meter padu balak pelbagai spesies dengan nilai royalti RM1.09 juta yang melibatkan aktiviti pembalakan haram telah dirampas di Sarawak dari Januari sehingga 20 November tahun ini.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan hari ini berkata dalam tempoh tersebut, 79 kes pembalakan haram telah disiasat di bawah Ordinan Perhutanan Sarawak 2015, dengan 13 kes daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dan empat kes dimenangi kerajaan negeri.

"Kes melibatkan 63 suspek (ditangkap) dan 57 peralatan atau mesin disita. Sebanyak 40 kes adalah dari operasi yang dilakukan oleh Jabatan Perhutanan Sarawak (FDS) dan operasi antara agensi, 22 kes dari maklumat awam dan 17 kes yang dirujuk oleh agensi penguatkuasaan lain," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, FDS juga telah menubuhkan Unit Pengesanan Udara Sarawak (SADU) bagi meningkatkan inisiatif membanteras pembalakan haram.

"Mengakui operasi penguatkuasaan memerlukan maklumat dan waktu yang tepat, kerajaan negeri memanfaatkan penggunaan teknologi canggih dalam memerangi pembalakan haram," kata Awang Tengah yang juga Menteri Pembangunan Bandar Dan Sumber Asli II Sarawak. - ©BERNAMA

JAKIM akan bertemu pendakwah selebriti penghujung bulan ini

KOTA BHARU, 12 Dis. - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengadakan pertemuan dengan pendakwah selebriti pada penghujung bulan ini bagi menyampaikan mesej harmoni kerajaan selain menjaga nama baik golongan agamawan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Ahmad Marzuk Shaary berkata pertemuan itu juga bagi mendapatkan input, khususnya dalam penyampaian dakwah menerusi status "selebriti".

Sejak kebelakangan ini timbul beberapa isu dan disensasikan, sekali gus memberi imej yang tidak baik kepada Islam sekalipun yang terlibat hanyalah segelintir sahaja, katanya ketika ditemui di Majlis Sumbangan Musaadah Nelayan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kijang, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu melibatkan seorang peserta program realiti televisyen bercorak dakwah yang terpalit dengan dakwaan serangan seksual.

"Kita tahu walaupun kes seumpama ini adalah kes terpencil, apabila melibatkan golongan pendakwah sudah pasti memberi imej yang tidak baik terutamanya kepada agama Islam," tambahnya.

Terdahulu, Ahmad Marzuk yang juga Ahli Parlimen Pengkalan Chepa menyampaikan sumbangan kepada 250 nelayan di kawasan itu yang terjejas pendapatan kerana tidak dapat turun menangkap ikan di laut pada musim tengkujuh.

Menurutnya bantuan serupa akan turut diagihkan kepada nelayan dan petani di dua lagi DUN iaitu Panchor dan Chempaka, juga di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa, walaupun dikategorikan sebagai nelayan sungai dan petani. - ©BERNAMA

Persidangan MOOC Global berlangsung di Beijing



BEIJING, 12 Dis. - Persidangan Global Kursus Terbuka Dalam Talian (MOOC) bertemakan "revolusi pembelajaran dan transformasi pendidikan tinggi" berlangsung di Beijing pada Jumaat.

Peserta persidangan berpendapat tatkala dunia dilanda wabak COVID-19, universiti dan platform pendidikan dalam talian di dunia perlu berganding bahu untuk mendorong pembangunan, pengoperasian dan perkongsian MOOC dan pendidikan dalam

talian.

MOOC menyediakan pelbagai jenis kursus pembelajaran terbuka secara dalam talian yang kini berkembang menjadi enjin utama memacu transformasi pendidikan tinggi sejak mula diperkenalkan pada 2012 di seluruh dunia.

Menteri Pendidikan China, Chen Baosheng dalam sidang media berkata jumlah MOOC dalam talian di China kini melebihi 34 ribu buah dan merangkumi penglibatan 540 juta orang. Ia

secara tidak langsung berjaya menempatkan China menduduki tempat pertama di dunia sebagai peneraju MOOC.

Penolong Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Stefania Giannini dalam ucapannya secara maya menyanjung kemajuan yang dicapai dalam pendidikan MOOC di negara membangun termasuk China dan India.

Bagaimanapun, katanya wabak

COVID-19 mengakibatkan institusi pengajian tinggi terpaksa ditutup di lebih 30 buah negara sehingga pembelajaran lebih 300 juta pelajar terjejas pada bulan ini.

Beliau berharap negara-negara di dunia dapat bekerjasama dengan lebih kukuh untuk memastikan

semua pelajar dapat mengikuti MOOC yang ditawarkan tanpa sebarang halangan.

Persidangan itu juga menyaksikan penubuhan Persatuan MOOC Dunia yang dianggotai 20 buah universiti dan platform MOOC dari 14 buah negara. - ©BERNAMA

Selangor FC ikat pertahanan Jerman

SHAH ALAM, 12 Dis. - Selangor FC mengikat pemain dari Jerman Tim Heubach untuk memperkuat benteng pertahanan pasukan bagi mengharungi kempen Liga Malaysia (Liga-M) musim 2021 yang dijadual bermula Februari tahun depan.

Selangor FC mengesahkan mengikat pemain berasal dari Neuss, Jerman yang mempunyai ketinggian 192 sentimeter (cm) serta pernah beraksi bersama pasukan Liga Ha'Al Maccabi Netanya itu dalam satu kenyataan di laman web www.selangorfc.com hari ini.

Pemain berkenaan membuat 82 penampilan dan menjaringkan lima gol untuk kelab tersebut, menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, Selangor FC adalah kelab Asia pertama disertai Heubach setelah berkelana

lama di Timur Tengah selain pernah bermain untuk Borussia M'glabach II, 1 FC Kaiserslautern dan FSV Frankfurt.

"Saya tidak pernah sampai ke Asia sebelum ini dan ingin mencari cabaran baharu di sini sebelum pulang ke Jerman satu hari nanti."

"Semasa saya diberitahu oleh jurulatih Michael (Feichtenbeiner) mengenai Selangor FC, saya teruja dan menonton banyak video berkaitan pasukan The Red Giants di YouTube dan perlawanan siaran langsung, timbul keyakinan untuk saya bermain bersama pasukan ini," katanya.

Dalam pada itu, Heubach berkata beliau juga dimaklumkan mengenai penyertaan Karsten Neitzel sebagai ketua jurulatih Selangor FC dan pernah bertemu dengan jurulatih berkenaan di

Jerman pada Oktober lepas.

"Ia adalah pertemuan pertama kami. Saya tidak pernah bekerjasama dengan Neitzel sebelum ini tapi kami pernah menjadi lawan pada satu ketika dulu."

"Semasa bertemu kami berbincang mengenai cabaran baharu untuk kami berdua di Malaysia. Beliau juga sempat memberitahu saya mengenai perancangannya bersama Selangor FC dan harapan beliau terhadap saya," katanya.

Heubach adalah pemain terbaharu kedua diperkenalkan untuk membarisi pasukan utama selepas Selangor FC memperkenalkan penyerang kebangsaan Shahrel Fikri sebagai penyerang baharu The Red Giants minggu lepas. - ©BERNAMA

Ekspo Reka Bentuk Industri Antarabangsa China 2020 dirasmikan di Wuhan

WUHAN, 12 Dis. - Ekspo Reka Bentuk Industri Antarabangsa China 2020 telah dirasmikan di Wuhan, wilayah Hubei baru-baru ini, disertai lebih 300 syarikat termasuk 88 pusat reka bentuk industri dari seluruh negara.

Ia turut disertai pertubuhan dan syarikat reka bentuk dari Jerman, Perancis dan negara Eropah Utara.

Pelbagai jenis produk pembuatan, kelengkapan, industri ringan dan digital dipamerkan pada ekspo berkenaan.

Sementara itu, kelengkapan yang digunakan semasa kerja-kerja penyelamat, pencegahan dan memerangi wabak COVID-19 di Wuhan seperti mesin pengimbas CT scan, ventilator, peralatan ultra bunyi, pelindung mata dan pelitup muka turut dipamerkan di ruangan khas.

Pereka bentuk terkemuka dari luar negara juga diundang untuk berkongsi konsep baharu dan pendapat mengenai reka bentuk industri antarabangsa secara maya.

Pada masa sama China akan terus mempergiat perkembangan sektor reka bentuk industri di negara ini untuk memperkasakan lagi penglibatannya dalam sistem pembahagian rantai industri global.

Ia juga untuk mendorong kerjasama ke tahap lebih tinggi seperti penciptaan, reka bentuk dan perkhidmatan dan tidak hanya bergantung kepada bidang pemrosesan semata-mata. - ©BERNAMA

Taman Negara Johor Endau Rompin dicalon sebagai AHP

KUALA LUMPUR, 12 Dis. - Taman Negara Johor Endau Rompin (TNJER) dicalonkan sebagai ASEAN Heritage Park (AHP) dalam Mesyuarat Jemaah Menteri semalam, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang bersidang pada 7 Mac 2018 telah bersetuju pencalonan TNJER sebagai AHP, sekaligus menjadikan pengiktirafan keempat bagi Malaysia selepas Taman Negara (Pahang, Kelantan dan Terengganu), Kinabalu National Park (Sabah) dan Gunung Mulu National Park (Sarawak).

"Pencalonan TNJER antara lain akan meningkatkan imej TNJER sebagai kawasan konservasi penting di Johor dan Taman Negara kedua di Semenanjung Malaysia, memperkukuhkan pengurusan TNJER berasaskan kepada best management practice setaraf dengan pengurusan kawasan perlindungan serantau dan antarabangsa.

"...selain itu turut meningkatkan jaringan hubungan dan kerjasama antara kawasan perlindungan di dalam dan luar negara," katanya dalam kenyataan hari ini.

AHP adalah inisiatif kerjasama serantau untuk menguruskan jaringan kawasan perlindungan di rantau ASEAN yang mempunyai keunikan, kepelbagaian biologi

dan nilai ekologi terpenting.

Perkara itu dipersetujui oleh negara anggota ASEAN melalui ASEAN Declaration on Heritage Parks and Reserves 1984 yang ditandatangani Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand pada 29 Nov 1984.

TNJER dilitupi lebih 90 peratus hutan hujan tropika serta ekosistem yang masih terpelihara dengan hampir keseluruhan kawasan perlindungan dikelilingi rizab hutan simpan, serta mengandungi 80 spesies tumbuhan diancam secara global tersenarai di bawah Spesies terancam Senarai Merah IUCN, termasuk 38 spesies Terancam Kritis (CR), 16 spesies Terancam (EN) dan 26 spesies Terdedah (VU).

Selain itu, TNJER juga adalah habitat penting bagi pemuliharaan mamalia besar yang terancam terutamanya Harimau Malaya (*Panthera tigris*), Malayan Tapir (*Tapirus indicus*), Beruang Matahari (*Helarctos Malayanus*) dan Gajah Asia (*Elephas maximus*).

Katanya, KeTSA akan mengemukakan dokumen pencalonan TNJER sebagai AHP kepada Sekretariat AHP di Filipina untuk dipertimbangkan oleh kumpulan kerja ASEAN serta kelulusan di peringkat Menteri-Menteri ASEAN pada tahun 2021.

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata pencalonan itu

mencerminkan kesungguhan Malaysia dalam memelihara dan mengiktiraf kawasan perlindungan sebagai khazanah negara yang tidak ternilai.

Beliau menyeru semua kerajaan negeri supaya mengambil inisiatif mengemukakan pencalonan bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa seperti AHP kerana ia membantu aspek promosi sektor pelancongan tidak hanya di Malaysia dan peringkat ASEAN, malah di persada luar negara.

"Namun, sebelum potensi ekopelancongan diterokai secara agresif, pembangunan dan pengurusan kawasan ekopelancongan hendaklah dilaksanakan secara mapan untuk memastikan flora, fauna dan ekosistem sedia ada sentiasa terpelihara," katanya.

Bagi tujuan itu, beliau berkata kajian daya tampung perlu dilaksanakan dan pengusaha ekopelancongan perlu memastikan had daya tampung dipatuhi.

Katanya, usaha itu juga adalah selaras dengan hasrat ASEAN agar langkah pemuliharaan perlindungan dilaksanakan bagi mengekalkan proses ekologi dan kepelbagaian genetik, memastikan pemeliharaan biodiversiti dan ekosistem, serta memelihara hutan belantara yang mempunyai nilai tinggi dari aspek budaya, pendidikan, penyelidikan, rekreasi dan ekopelancongan. - ©BERNAMA

KPDNHEP rampas minyak wangi tiruan bernilai RM1.7 juta

PUTRAJAYA, 12 Dis. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Selasa lepas menyerbu enam premis di Jalan Chan Sow Lin yang dijadikan tempat penyimpanan minyak wangi tiruan serta merampas 33,272 unit produk itu bernilai kira-kira RM1.7 juta.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata dalam operasi itu, seorang lelaki serta seorang wanita masing-masing berusia 37 dan 43 tahun yang sedang menjalankan kerja-kerja pembungkusan minyak wangi ke dalam kotak produk berjenama bagi tujuan penderangan turut ditahan.

Beliau berkata serbuan itu adalah hasil risikan selama hampir dua bulan dan keenam-enam premis disewa oleh seorang individu untuk dijadikan tempat penyimpanan stok minyak wangi tiruan pelbagai jenama.

"Berdasarkan keterangan, barangan tiruan ini diperolehi dari China dan apabila proses pembungkusan selesai, minyak wangi tiruan ini akan diedarkan kepada pemborong-pemborong di sekitar Lembah Klang atau dijual secara dalam talian," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Antara jenama minyak wangi tiruan yang dirampas ialah Burberry, Gucci, Victoria Secret, Tommy, DKNY, Jo Malone dan Michael Kors.

Beliau berkata kes itu disiasat mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu memiliki bagi maksud perdagangan barangan yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah.

Iskandar Halim berkata individu mahupun syarikat yang melanggar undang-undang terutama membabitkan penjualan dan penderangan barangan tiruan akan dikenakan tindakan tegas.

"KPDNHEP memberi amaran kepada individu atau syarikat tersebut agar lebih bertanggungjawab dan menghormati harta intelek orang lain," katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan aktiviti penyimpanan dan penjualan barang tiruan diminta melaporkan kegiatan itu melalui hotline 1-800-886-800 atau 03-8882 6088 di Enforcement Command Centre (ECC). - ©BERNAMA

Kejohanan badminton berakhir



PENOLONG Pekerja Kanan Belia dan Sukan Daerah Belait, Awang Faudillah Haji Mohd Ghani semasa menyampaikan hadiah kepada juara Beregu Lelaki, Rendra Akmal dan Justin Liaw Chee Zien.

Dari muka 32

Dalam Beregu Perempuan pula, Koh Zhi Ying dan Vaign Sheralini

meraih tempat pertama, diikuti Aqueela Junaidi dan Aura Raihana Danish Md Sharel tempat kedua manakala Nur Haziqah Adawiyah



SEBAHAGIAN aksi dalam perlawanan akhir Beregu Lelaki.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

dan Aiyaa Nadhirah tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Penolong Pekerja Kanan Belia dan Sukan Daerah Belait, Awang Faudillah bin Haji Mohd. Ghani.

Sebanyak 18 Beregu Lelaki dan tiga Beregu Perempuan menyertai kejohanan tersebut yang diadakan bermula 9 Disember bertempat di Dewan Badminton Gudang Beras, Kuala Belait.

Juara menerima hadiah wang tunai BND120 dan medal, naib juara menerima BND100 dan medal manakala tempat ketiga menerima BND80 dan medal. Para pemenang juga menerima beberapa kerton minuman botol tajaan Purion Brunei.

Antara tujuan kejohanan diadakan ialah bagi mencungkil bakat pemain muda yang boleh diserapkan kepada latihan dan peringkat seterusnya, selain untuk memupuk minat kanak-kanak kepada sukan badminton dari awal.

Kejohanan tersebut dilancarkan pada 2012 oleh Badminton World Federation, ialah program badminton sekolah yang menyokong prinsip bahawa kanak-kanak harus menjalani kehidupan yang sihat dan aktif, baik di dalam mahupun di luar sekolah.

PBKBD berharap untuk menjadikan kejohanan tersebut sebagai aktiviti tahunan untuk menarik lebih banyak lagi pemain berumur 5 hingga 15 tahun untuk berjinak dalam sukan badminton.

Cungkil bakat baharu pemain badminton



KEJOHANAN Badminton Beregu Lelaki Terbuka 2020 Sekolah Chung Hwa, Kiudang semasa diadakan di Dewan Badminton sekolah berkenaan.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 13 Disember. - Seramai 76 peserta berentap bagi merebut gelaran juara pada Kejohanan Badminton Beregu Lelaki Terbuka 2020 Sekolah Chung Hwa, Kiudang yang diadakan di Dewan Badminton

sekolah berkenaan, di sini. Kejohanan anjuran Sekolah Chung Hwa, Kiudang itu berlangsung selama dua minggu dan bermula hari ini serta berakhir pada 27 Disember nanti. Hadir menyaksikan perlawanan

pada petang ini ialah Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Sekolah Chung Hwa, Kiudang, Wakil-wakil dari Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei di Negara Brunei Darussalam dan Ahli-ahli Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) serta Pemangku Ketua Kampung Kiudang.

Kejohanan yang dijalankan

PERSIB bincang persiapan projek



PERSATUAN Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB) semasa mengadakan Sesi Muzakarah mengenai peraturan baharu yang diguna pakai pada ketika ini.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Ahad, 13 Disember. - Dalam memberikan kefahaman kepada badan-badan pelatih mengenai peraturan baharu yang diguna pakai pada ketika ini, Persatuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB) mengadakan Sesi Muzakarah yang diadakan bertempat di Dewan Kuliah, Sekolah Sukan, di sini.

Sesi Muzakarah tersebut dihadiri oleh lebih 50 orang Ahli-ahli Perguruan Pesilatan dan Badan Perguruan yang turut membincangkan persiapan projek-projek di tahun 2020 yang bakal diadakan pada tahun 2021 berikutan situasi pandemik COVID-19.

Turut dibincangkan oleh Naib Yang Di-Pertua merangkap Bendahari PERSIB, Pengiran Haji Abdul Karim bin Pengiran Haji Metassan semasa muzakarah tersebut ialah akta pendaftaran pertubuhan (ROS).

Terdahulu, Yang Di-Pertua PERSIB, Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Haji Ludin turut menyampaikan kata-kata aluan. PERSIB merupakan sebuah persatuan yang mula ditubuhkan pada tahun 1986.



AHLI dari Perguruan Pesilatan dan Badan Perguruan semasa mengajukan soalan pada Sesi Muzakarah tersebut.



ANTARA aksi yang dipamerkan pada kejohanan berkenaan.

menggunakan format *round robin* mempertandingkan Kategori Beregu Lelaki Terbuka. Tujuan kejohanan tersebut diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim

khususnya dalam kalangan pemain-pemain badminton di daerah ini, selain untuk mencungkil bakat baharu pemain badminton terutama dalam arena sukan badminton.

Sukan

INFO SUKAN

FUTSAL merupakan salah satu daripada sukan versi bola sepak yang diiktiraf oleh Federal International of Football Association (FIFA). Futsal dimainkan oleh dua pasukan yang mengandungi lima pemain termasuk penjaga gol. Gelanggang futsal dibatasi dengan garisan dan jaring.



ePaper Pelita Brunei



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD semasa melepaskan para peserta acara larian sempena BIBD YES! di kawasan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (atas). Sementara gambar kanan, para peserta yang ikut serta dalam acara berkenaan.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Disember. - Sidang Kemuncak Memperkasa Belia Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau BIBD Youth Empowerment Summit (YES!) menampilkan seramai 50 ahli panel dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan antarabangsa menerusi 'Zoom' dari Hong Kong, Singapura, Indonesia, Filipina, Malaysia dan Hungary untuk mendidik dan memberikan inspirasi kepada para belia, di mana dengan adanya penceramah dari luar negara akan

membolehkan para peserta melihat topik yang mereka hadapi melalui lensa global.

BIBD YES! merupakan Sidang Kemuncak Pertama seumpamanya di NBD dengan penyertaan secara fizikal dan maya oleh barisan penceramah juga delegasi.

Ia disiarkan secara serentak di 24 buah sekolah yang berlainan, sementara lebih daripada 300 pelajar secara fizikal menghadiri sidang tersebut di Jerudong International School (JIS) Arts Centre.

Bagi memeriahkan lagi BIBD YES! tersebut, telah diadakan Acara Larian Sejauh 2.2 Kilometer di Kampung Sungai Kebun yang bermula dari Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha hingga ke The Horizons Seafood Restaurant.

Antara yang hadir menyertai larian tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar.

BIBD YES! disokong oleh Penaja Tuan Rumah - BIBD;

Penaja Platinum - Syarikat Progresif; Penaja Emas - CIC Environmental Services dan TOTAL; juga Penaja Perak - Brunei LNG (BLNG).

Ia disahkan oleh Lembaga Pelancongan Brunei; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Kementerian Pendidikan; serta disokong oleh Persatuan Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association Brunei - YEAB); Global Shapers; dan Young Professional Network Brunei.

Kejohanan badminton berakhir

KUALA BELAIT, Ahad, 13 Disember. - Kejohanan Badminton Shuttle Time Brunei Remaja Di Bawah 13 Tahun bagi daerah-daerah anjuran Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) berakhir hari ini dengan perlawanan akhir bagi Daerah Belait.

Johan Beregu Lelaki disandang oleh Justin Liaw Chee Zien dan Rendra Akmal setelah menang 2

- 1 ke atas Bryan Wong Vi Wen dan Jong Ji Ren sekali gus menjadikan mereka naib juara.

Terdahulu, perlawanan diadakan untuk menentukan tempat ketiga dan keempat, di mana pasangan Hansen Chien Nen Fung dan Bryan Chien Hen Sheng berjaya mengalahkan

pasangan Awangku Mohammad Qawi dan Md. Nur Izzat Fathullah.

Kejohanan turut diserikan dengan perlawanan persembahan daripada pemain berumur 5 tahun menentang pemain berumur 13 tahun.

Ke muka 31

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman



PERSIB bincang persiapan projek

MUKA 31

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

RASUAH MENJEJASKAN KECEKAPAN, INTEGRITI DALAM PENTADBIRAN

دتریبیتکن اوله جابتن فنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam